



D.R. 14 TAHUN 2023

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KEDUA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

**ISU MINYAK MASAK BERSUBSIDI**

## **KANDUNGAN**

	<u>Muka Surat</u>
• Kandungan	i
• Lampiran	ii
• Glosari	iii
<b><u>BAHAGIAN I</u></b> <b><i>PENGENALAN</i></b>	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<b><u>BAHAGIAN II</u></b> <b><i>LATAR BELAKANG ISU MINYAK MASAK BERSUBSIDI</i></b>	
• Latar Belakang Isu Minyak Masak Bersubsidi	4
<b><u>BAHAGIAN III</u></b> <b><i>ISU-ISU SEMASA PROSIDING JAWATANKUASA</i></b>	
• Isu-isu semasa Prosiding Jawatankuasa	8
<b><u>BAHAGIAN IV</u></b> <b><i>PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA</i></b>	
• Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa	10
<b><u>BAHAGIAN V</u></b> <b><i>RUMUSAN JAWATANKUASA</i></b>	
• Rumusan Jawatankuasa	14
<b><u>BAHAGIAN VI</u></b> <b><i>PENGHARGAAN</i></b>	
• Penghargaan	15

## **LAMPIRAN**

**Lampiran A :** Pembentangan Subsidi Minyak Masak daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

**Lampiran B :** Gambar Lawatan Kerja ke Sime Darby Oil Langat Refinery Sdn Bhd, Telok Panglima Garang, Selangor

### Risalat

- Laporan Prosiding mengenai Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian Bilangan 3 Tahun 2023

## **GLOSARI**

BMB	Bekalan Makanan Bermasak
COSS	Skim Penstabilan Harga Minyak Masak
CPO	<i>Crude Palm Oil</i>
ECOSS	Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
JKPK	Jawatankuasa Pilihan Khas
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
KUSKOP	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
MKHMM	Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak
MOF	Kementerian Kewangan
PAC	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
RBDPL	<i>Refined, Bleached and Deodorised Palm Olein</i>
RSPO	Rundingan Meja Bulat Mengenai Minyak Sawit Mampan
RUU	Rang Undang-Undang

## **BAHAGIAN I**

### **PENGENALAN**

#### **Jawatankuasa dan Terma Rujukan**

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian (DR.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
  - (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian (selepas ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa") berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
  - (b) Jawatankuasa ini berfungsi:
    - i. Meneliti Rang Undang-Undang (RUU) yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya;
    - ii. Meneliti usul, RUU persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya;
    - iii. Menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya; dan
    - iv. Melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan (b) tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

(c) Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(d) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor yang berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(e) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilih telah membentangkan penyatanya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian terdiri daripada:

- i. Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin  
(Ahli Parlimen Rasah merangkap Pengerusi)
- ii. Yang Berhormat Tuan Edwin anak Banta  
(Ahli Parlimen Selangau)
- iii. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan  
(Ahli Parlimen Keningau)
- iv. Yang Berhormat Tuan Manndzri bin Nasib  
(Ahli Parlimen Tenggara)

- v. Yang Berhormat Tuan Tan Kar Hing  
(Ahli Parlimen Gopeng)
- vi. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Abdul Karim  
(Ahli Parlimen Pasir Gudang)
- vii. Yang Berhormat Dato' Dr. Ronald Kiandee  
(Ahli Parlimen Beluran)
- viii. Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid  
(Ahli Parlimen Hulu Terengganu)
- ix. Yang Berhormat Datuk Muslimin bin Yahaya  
(Ahli Parlimen Sungai Besar)

### **Pendekatan Tugas Kerja**

- 4. Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian telah melantik ex-officio daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memberikan nasihat kepada ahli-ahli Jawatankuasa.
- 5. Jawatankuasa ini telah mengadakan satu mesyuarat dan satu lawatan kerja bagi membincangkan berkenaan isu minyak masak bersubsidi.
  - (a) Mesyuarat pada hari Khamis, 15 Jun 2023 telah diadakan bagi mendapatkan pandangan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berkaitan dengan subsidi minyak masak di bawah kuasa Kementerian.
  - (b) Lawatan kerja ke kilang penapisan dan pembungkusan minyak masak, Sime Darby Oil Langat Refinery Sdn Bhd di Telok Panglima Garang, Selangor pada hari Selasa, 20 Jun 2023.

## **BAHAGIAN II**

### **LATAR BELAKANG ISU MINYAK MASAK BERSUBSIDI**

1. Jawatankuasa telah menetapkan untuk memfokuskan isu minyak masak ekoran kekurangan bekalan minyak masak dalam pasaran.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 2 Tahun 2023 pada hari Rabu, 7 Jun 2023 telah bersetuju untuk membincangkan mengenai subsidi minyak masak yang akan dibentangkan oleh KPDN bagi perbincangan pertama Jawatankuasa.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 3 Tahun 2023 pada hari Khamis, 15 Jun 2023 telah memanggil KPDN bagi mendengar taklimat Subsidi Minyak Masak. KPDN bertanggungjawab dalam mengawal selia industri minyak masak termasuk subsidi minyak masak.
4. Objektif pembentangan ialah:
  - (a) Memberikan gambaran keseluruhan mekanisme yang dilaksanakan oleh KPDN bagi mengawal dan menstabilkan harga jualan minyak masak; dan
  - (b) Memaklumkan kepada Jawatankuasa berkenaan isu-isu dan cabaran dalam pengurusan subsidi minyak masak.
5. Ekosistem industri minyak masak negara yang melibatkan pelbagai pihak pemain industri. Pemain industri ini terletak di bawah dua kementerian seperti berikut:
  - i. Di peringkat huluan adalah di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi iaitu daripada peladang, ladang kelapa sawit dan juga pengilang kelapa sawit;
  - ii. Di peringkat penapisan sehingga kepada pengguna adalah di bawah kawal selia KPDN iaitu meliputi kilang-kilang penapis, syarikat-syarikat pembungkusan (*repackers*), pemborong, peruncit dan seterusnya pengguna.
6. Memandangkan minyak masak adalah barang kawalan, oleh itu setiap peringkat ini memerlukan lesen untuk menyimpan dan juga menjalankan urus niaga berkaitan barang kawalan ini. Senarai pemain industri yang dilesenkan adalah seperti berikut:
  - i. 21 buah kilang penapis;
  - ii. 366 buah syarikat pembungkusan;

- iii. 4,151 pemegang lesen pemborong; dan
  - iv. 30,000 pemegang lesen runcit minyak masak.
- 7. Senario semasa menunjukkan harga minyak masak (CPO) telah menunjukkan trend kenaikan yang mendadak mulai tahun 2020 sehingga kemuncak pada pertengahan tahun 2022 sebelum kembali menurun. Peningkatan harga yang mendadak telah menyebabkan kenaikan harga jualan runcit minyak masak dan perbelanjaan subsidi.
- 8. Mekanisme semasa kawalan harga minyak masak adalah seperti berikut:
  - i. Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) menyediakan minyak masak bersubsidi dalam bentuk pek polibeg 1 kilogram. Program ini diteruskan dengan mengekalkan harga jualan runcit minyak masak bersubsidi polibeg 1 kilogram pada harga RM2.50. Skim ini bermula pada tahun 2007.
  - ii. Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak (MKHMM) sebagai langkah sementara untuk mengawal kenaikan harga minyak masak dalam botol dan melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM150 juta pada tahun 2020. Mekanisme ini berakhir pada tahun 30 Jun 2022.
  - iii. Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak Berasaskan Harga Minyak Sawit Mentah (CPO) (Siling Bergerak) untuk mengawal harga jualan runcit minyak masak botol tanpa subsidi. Mekanisme ini bermula pada 8 Ogos 2022 sehingga kini.
- 9. Program Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) diperkenalkan pada tahun 2007 oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Namun pada tahun 2016, ia telah diambil alih oleh Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Mekanisme adalah seperti berikut:
  - i. Had kuota bulanan adalah sebanyak 60,000 metrik tan;
  - ii. KPDN membayar subsidi kepada kilang penapis (*refinery*) itu di mana harga purata RBD ataupun CPO ditolak dengan threshold dan dikali dengan kuota yang mereka terima;
  - iii. KPDN memberi subsidi kepada syarikat pembungkusan pada kadar tetap sebanyak RM600 per metrik tan;
  - iv. Harga minyak masak paket bersubsidi yang ditetapkan adalah sebanyak RM2.50 di peringkat runcit.
- 10. Selain daripada COSS, mekanisme kawalan minyak masak dalam kemasan botol turut diperkenalkan pada bulan 1 Ogos 2021 sehingga 30 Jun 2022. KPDN membayar subsidi kepada syarikat kilang penapis sahaja yang turut

menjadi syarikat pembungkus ataupun membotolkannya. Threshold-nya lebih tinggi iaitu sekiranya CPO melebihi 3,700 kerajaan akan memberi subsidi nilai perbezaan itu, harga CPO dengan nilai ambang itu. Kuota yang diberikan adalah sebanyak 25,000 metrik tan untuk setiap harga botol pada masa itu.

- Pada tahun 2023, KPDN telah meneliti semula keperluan minyak masak paket bersubsidi dan mengunjurkan keperluan telah meningkat kepada 70,051 metrik tan sebulan seperti berikut:

<b>Kategori</b>	<b>Jumlah Penggunaan (Tan/Bulan)</b>
Isi Rumah B40 dan M40	27,943
Peniaga Mikro	36,744
Pengusaha Kantin Sekolah dan Dewan Makan Asrama	4,810
Pusat Jagaan Wargamas dan Orang Kurang Upaya (OKU)	554
<b>Jumlah</b>	<b>70,051</b>

- Susulan daripada Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2023 bersama pihak KPDN, Jawatankuasa ini telah bersetuju untuk mengadakan lawatan ke kilang penapisan dan pembungkusan minyak masak bagi mendapatkan maklumat secara langsung mengenai bekalan minyak masak negara.
- Lawatan ke kilang penapisan dan pembungkusan minyak masak, Sime Darby Oil Langat Refinery Sdn Bhd, Teluk Panglima Garang, Selangor telah diadakan pada 20 Jun 2023 dan telah dihadiri oleh tiga orang Ahli Jawatankuasa, dua orang ahli ex-officio, wakil-wakil daripada KPDN dan tiga orang pegawai Parlimen.
- Kedatangan Jawatankuasa ini disambut oleh Tuan Syed Said Syed Saggaf, Head of Manufacturing, APAC & OCEANIA, Sime Darby Oils Sdn Bhd dan para pegawai tertinggi syarikat ini.
- Sime Darby Oils iaitu anak syarikat Sime Darby Plantation Berhad menyasarkan untuk mengungguli penguasaan pasaran minyak masak tempatan dalam tempoh masa beberapa tahun ini. Ketika ini Sime Darby Oils memiliki lebih daripada 200 produk pelbagai jenama dan dipasarkan di lapan negara termasuk Afrika Selatan, Timur Tengah dan Thailand.

16. Sime Darby Oils mengeluarkan minyak masak berjenama ALIF yang menerima pensijilan Rundingan Meja Bulat Mengenai Minyak Sawit Mampan (RSPO) dan diiktiraf halal. Penguasaan pasaran tempatan bagi minyak masak ALIF berada di kedudukan keempat dengan pengeluaran kira-kira enam hingga 1,000 tan sebulan.
17. Secara keseluruhan, Sime Darby Oils mengeluarkan kira-kira empat juta tan minyak masak setahun di seluruh dunia dan jumlah pengeluaran bagi jenama ALIF tidak terlalu besar disebabkan pelaksanaan minyak masak bersubsidi oleh kerajaan.
18. Keistimewaan minyak masak ALIF ialah dalam setiap botol terdapat kebaikan semula jadi minyak sawit yang mengandungi tocotrienol dan diperkaya dengan vitamin D3 untuk kesihatan. Namun begitu, terdapat halangan yang dihadapi oleh syarikat ini di mana kurang keyakinan oleh syarikat-syarikat tempatan dalam menjual produk dari Sime Darby Oils kerana usia produk ini yang masih baharu berbanding jenama minyak masak lain.
19. Selain itu, syarikat ini telah berjaya menghasilkan makanan ternakan ayam dengan kos yang lebih rendah dan mampu menghasilkan produk yang lebih berkualiti tinggi berbanding makanan ternakan yang diimport dari luar negara.

## **BAHAGIAN III**

### **ISU-ISU SEMASA PROSIDING JAWATANKUASA**

Setelah mendengar cadangan dan pandangan Ahli-Ahli Jawatankuasa, pegawai kanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), kementerian dan agensi penguatkuasaan terlibat, isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

#### **A. PERMINTAAN YANG TINGGI DI PASARAN**

1. Terdapat pandangan bahawa permintaan yang tinggi di pasaran bagi minyak masak paket ekoran kenaikan harga minyak masak dalam botol.
2. Terdapat pandangan bahawa golongan peniaga-peniaga informal dan mikro juga antara yang banyak membeli minyak masak paket ini kerana kosnya lebih rendah.
3. Terdapat pandangan bahawa harga minyak masak paket terlalu rendah jika dibandingkan dengan minyak masak botol yang menjadi punca permintaan yang tinggi di pasaran.

#### **B. PERBEZAAN HARGA MINYAK MASAK**

4. Terdapat pandangan bahawa harga minyak masak paket sebanyak RM2.50 tidak pernah disemak semula sejak tahun 2007.
5. Terdapat pandangan bahawa perbezaan harga yang terlalu tinggi di antara harga minyak masak paket bersubsidi (RM2.50/kg), minyak masak tidak bersubsidi (RM6.90/kg) dan minyak masak terpakai (RM3.80/kg) membuka ruang kepada ketirisan.
6. Terdapat pandangan bahawa perbezaan harga yang terlalu tinggi ini memberi tekanan kepada minyak masak paket sehingga mendapat permintaan yang sangat tinggi terutamanya dari peniaga-peniaga mikro dan golongan industri kecil dan sederhana (IKS).
7. Terdapat pandangan bahawa pengguna boleh menjual semula minyak masak terpakai dan mendapat bayaran sebanyak RM3.80 yang mana lebih tinggi daripada harga minyak masak paket iaitu RM2.50.

### **C. PENYALAHGUNAAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI**

8. Terdapat pandangan bahawa minyak masak paket bersubsidi banyak digunakan oleh peniaga-peniaga mikro, golongan industri kecil dan sederhana (IKS) yang bermiaga di warung dan restoran kecil kerana kosnya lebih murah.
9. Terdapat pandangan bahawa sekiranya KPDN menguatkuaskan larangan pembelian minyak masak paket bersubsidi ia boleh menyebabkan bebanan kepada peniaga-peniaga informal dan mikro dan seterusnya mengakibatkan kenaikan harga makanan yang dijual.

### **D. KES PENYELUDUPAN DAN RAMPASAN MINYAK MASAK**

10. Terdapat pandangan bahawa KPDN telah mengenalpasti nilai rampasan minyak masak sebanyak RM16,749,728 manakala masih terdapat minyak masak paket yang dijual di Pekan Golok dengan harga 40 Bhat.
11. Terdapat pandangan bahawa masih terdapat kes-kes penyeludupan dan penyorohan bekalan minyak masak paket 1 kilogram di Sabah sehingga menyebabkan penjualan minyak masak berkurangan dan seterusnya harganya meningkat.

### **E. PERUNTUKAN SUBSIDI TIDAK MENCUKUPI**

12. Terdapat pandangan bahawa Kementerian Kewangan pada mulanya memperuntukkan dalam RM500 juta hingga RM700 juta untuk tujuan peruntukan subsidi bagi membayar subsidi sama ada minyak masak paket ataupun botol.
13. Terdapat pandangan bahawa KPDN membelanjakan RM2.42 bilion pada tahun 2022 kerana harga CPO yang tinggi. Purata pada tahun 2022, CPO adalah RM5,125 per metrik tan. KPDN terpaksa memohon peruntukan tambahan hampir RM2 bilion untuk subsidi yang telah digunakan pada tahun 2022.
14. Terdapat pandangan bahawa peruntukan yang telah disalurkan bagi tujuan pembayaran subsidi telah hampir dibelanjakan sepenuhnya.
15. Terdapat pandangan bahawa jumlah tuntutan daripada pengilang dan syarikat pembungkus minyak masak melebihi peruntukan yang telah disalurkan kepada KPDN.
16. Terdapat pandangan bahawa setakat bulan Januari 2023, KPDN telah membelanjakan sebanyak RM499.8 juta berbanding jumlah tuntutan sebanyak RM595.2 juta.
17. Terdapat pandangan bahawa tuntutan subsidi minyak masak bagi bulan Februari hingga April 2023 masih belum dibayar.

## **BAHAGIAN IV**

### **PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA**

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa, maka Jawatankuasa mengemukakan penemuan-penemuan dan syor-syor seperti berikut:

#### **A. PERMINTAAN YANG TINGGI DI PASARAN**

1. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa langkah-langkah penambahbaikan kawalan dan penguatkuasaan adalah seperti berikut:
  - i. Pelaksanaan sistem eCOSS iaitu sistem pengurusan subsidi minyak masak yang merekodkan jualan dan tuntutan subsidi minyak masak melalui sistem pusat.
  - ii. Pemantauan melalui sistem eCOSS di mana pelaksanaan modul rekod jualan harian bagi minyak masak bersubsidi di semua peringkat berikut:
    - a) Kilang penapis kepada syarikat pembungkusan;
    - b) Syarikat pembungkusan kepada pemborong dan peruncit;
    - c) Syarikat pemborong kepada peruncit; dan
    - d) Peruncit kepada pengguna.
2. Jawatankuasa mengambil maklum tindakan KPDN untuk mengehadkan jualan sebanyak tiga unit minyak masak paket melalui Arahan Pengawal Bekalan pada 19 Januari 2021.
3. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan KPDN tentang keperluan untuk menambah kuota minyak masak paket daripada 60,000 metrik tan kepada 70,000 metrik tan.
4. **Jawatankuasa bersetuju dengan tindakan untuk mengehadkan jualan minyak masak paket kepada tiga unit sahaja.**
5. **Jawatankuasa bersetuju dengan keperluan untuk menambah kuota minyak masak paket kepada 70,000 metrik tan kerana pertambahan penduduk dan juga keperluan peniaga informal dan mikro selepas pandemik.**

## **B. PERBEZAAN HARGA MINYAK MASAK**

6. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan supaya kerajaan menyemak semula harga minyak masak paket iaitu RM2.50 yang telah ditetapkan sejak tahun 2007.
7. Jawatankuasa mengambil maklum sekiranya KPDN tidak mengawal harga minyak masak botol, perbezaan yang terlalu jauh itu akan memberi tekanan kepada minyak masak paket.
8. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan KPDN supaya harga jualan minyak masak paket dalam jualan-jualan kerajaan tidak diturunkan lagi kepada RM2 untuk mengelakkan tekanan. Hal ini kerana harga RM2.50 itu sudah terlalu rendah. Subsidi kerajaan tersebut boleh diberikan kepada minyak masak botol.

## **C. PENYALAHGUNAAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI**

9. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa KPDN tidak pernah mengambil tindakan kepada peniaga-peniaga mikro namun sedang meneliti semula keperluan minyak masak paket bersubsidi.
10. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan KPDN untuk membangunkan modul subsidi bersasar di dalam sistem eCOSS. Modul ini akan mengehadkan jualan minyak masak bersubsidi kepada kumpulan sasar serta mewajibkan penggunaan dokumen pengenalan diri sebagai syarat untuk membeli minyak masak bersubsidi. Modul ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2023.
11. Jawatankuasa mengambil maklum dengan pelaksanaan eCOSS yang dibangunkan oleh KPDN dan dilaksanakan sejak Januari 2023 sekurang-kurangnya dapat menyekat dan mengurangkan ketirisan yang berlaku.
12. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan KPDN untuk mewajibkan penandaan logo barang subsidi melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Penandaan Barang-Barang Kawalan) 2022 [P.U(A)252] berkuatkuasa 29 Julai 2022.
13. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan KPDN untuk mewajibkan semua lapisan pengedaran merekodkan jualan melalui sistem eCOSS mulai 1 Januari 2023. Ianya dijadikan sebagai syarat bagi membolehkan tuntutan bayaran balik subsidi.

14. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan KPDN mengenai hala tuju minyak masak negara supaya minyak masak paket bersubsidi dilaksanakan secara bersasar manakala minyak masak botol dikawal harga melalui *two-tier pricing mechanism*.

#### **D. KES PENYELUDUPAN DAN RAMPASAN MINYAK MASAK**

15. Jawatankuasa mengambil maklum Bahagian Penguatkuasa KPDN melaksanakan penguatkuasaan secara manual dengan cara *track* daripada *refinery* kepada *repacker*, pemborong dan juga kepada peruncit itu.
16. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan KPDN berkenaan larangan eksport minyak masak paket mulai 1 Ogos 2022 melalui pindaan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) (Pindaan) (No.2) 2022.
17. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan KPDN untuk meningkatkan aktiviti penguatkuasaan termasuk melaksanakan OPS Terjah, melaksanakan audit di setiap peringkat rantaian pengedaran minyak masak.
18. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan KPDN untuk mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM).

#### **E. PERUNTUKAN SUBSIDI TIDAK MENCUKUPI**

19. Jawatankuasa mengambil maklum peruntukan skim subsidi minyak masak (COSS) yang disediakan kepada KPDN bagi tahun 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:
  - i. Peruntukan asal tahun 2022 ialah sebanyak RM400,000,000. Peruntukan dipinda tahun 2022 setelah mengambil kira keperluan sebenar COSS sebanyak RM2.42 bilion.
  - ii. Peruntukan asal tahun 2023 ialah sebanyak RM500,000,000.
20. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan MOF bahawa peruntukan yang disediakan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan adalah berdasarkan ruang fiskal yang dibenarkan. Sebagaimana tahun 2022, MOF menjangkakan bahawa peruntukan ini dijangka tidak mencukupi dan sentiasa komited untuk menyediakan peruntukan tambahan tertakluk kepada prestasi perbelanjaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

21. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MOF yang telah menyediakan peruntukan yang mencukupi pada tahun 2022 dan memohon agar KPDN menyelesaikan pembayaran tahun 2022 dengan kadar segera tanpa menyebabkan Arahan Perbendaharaan 58 (AP58(a)). Walau bagaimanapun, pihak KPDN tidak sempat menyelesaikan pembayaran walaupun telah diberikan tempoh Akaun Kena Bayar sehingga 24 Januari 2023 untuk menyelesaikan bayaran 2022 menggunakan peruntukan tahun 2022.
22. Jawatankuasa mengambil maklum penerangan MOF bahawa kenaan terhadap bayaran AP58(a) ini menyebabkan sebanyak RM163 juta dari RM500 juta yang diperuntukkan dalam tahun 2023 terpaksa digunakan untuk menyelesaikan bayaran tahun 2022 dan menyebabkan peruntukan untuk menampung keperluan 2023 semakin berkurang.
23. Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan MOF yang sentiasa memberi keutamaan kepada keperluan peruntukan bagi perbelanjaan Skim Subsidi Minyak Masak (COSS) dan mengambil maklum akan anggaran keperluan peruntukan tambahan yang diperlukan oleh KPDN bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM1,463,000,000. Untuk makluman, penyaluran peruntukan kepada KPDN akan dibuat secara berperingkat melalui kelulusan peruntukan tambahan yang akan disalurkan dalam masa terdekat.

## **BAHAGIAN V**

### **RUMUSAN JAWATANKUASA**

Jawatankuasa berpandangan isu ini perlu diselesaikan pada kadar segera memandangkan bekalan minyak masak paket sukar didapati dalam pasaran. KPDN perlu berusaha memastikan bekalan minyak masak sentiasa mencukupi agar ia sampai kepada golongan sasar yang diberikan kerajaan untuk membantu rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah (B40).

Sehubungan itu, Jawatankuasa bersetuju mengemukakan syor-syor yang terkandung dalam Laporan ini.

1. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan KPDN melaksanakan kawalan dalaman untuk mengehadkan pembelian sebanyak 3 paket sahaja bagi seorang pengguna.
2. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan KPDN untuk menaikkan kuota minyak masak bersubsidi kepada 70,000 metrik tan selari dengan pertambahan penduduk dan juga keperluan kepada peniaga informal dan mikro terutamanya selepas pandemik. Hal ini kerana kerajaan mengurangkan kuota daripada 85,000 metrik tan yang bermula pada tahun 2007 kepada 60,000 metrik tan pada tahun 2016. Pada tahun 2024, kerajaan telah memperuntukkan RM150 juta untuk Jualan Rahmah dan minyak masak paket bersubsidi merupakan item yang tetap.
3. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan KPDN berkenaan hala tuju minyak masak negara seperti berikut:
  - i. Minyak masak paket bersubsidi dilaksanakan secara bersasar; dan
  - ii. Minyak masak botol dikawal harga melalui *two-tier pricing mechanism*.

## **BAHAGIAN VI**

### **PENGHARGAAN**

1. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat yang telah memberikan kerjasama dengan mengemukakan pandangan serta cadangan yang berkaitan mengenai isu minyak masak bersubsidi di bawah KPDN.
2. Sekalung penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian dan juga kepada Kementerian/jabatan/agensi seperti berikut:
  - i. Parlimen Malaysia;
  - ii. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup;
  - iii. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi;
  - iv. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan;
  - v. Sime Darby Oil Langat Refinery Sdn Bhd, Telok Panglima Garang, Selangor
- atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada termasuk rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.
3. Penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah turut memberi sumbangan demi menjayakan usaha Jawatankuasa ini untuk mendapatkan pandangan berkenaan Isu Minyak Masak Bersubsidi di bawah KPDN.

**LAMPIRAN MESUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

**ISU MINYAK MASAK BERSUBSIDI**

<b>NO</b>	<b>LAMPIRAN</b>	<b>DRAF KERJA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>Lampiran A</b>	Pembentangan Subsidi Minyak Masak daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	1
<b>2</b>	<b>Lampiran B</b>	Gambar Lawatan Kerja ke Sime Darby Oil Langat Refinery Sdn Bhd, Telok Panglima Garang, Selangor	15





Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup

## SUBSIDI MINYAK MASAK

Mesyuarat Jawatankuasa  
Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan  
Pertanian  
Parlimen Kelima Belas Bil. 3 Tahun 2023



15 Jun 2023 (Khamis)  
11.00 pagi  
Bilik Jawatankuasa 2, Aras 2  
Bagunan Blok Utama  
Parlimen Malaysia

1

## KANDUNGAN

1. Senario Harga Minyak Masak
2. Kaedah Kawalan Harga Minyak Masak
  - a. Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS)
  - b. Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak (MKHMM)
  - c. Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak Berdasarkan Harga Minyak Sawit Mentah (Siling Bergerak)
3. Isu Minyak Masak
  - a. Bersubsidi
  - b. Tidak Bersubsidi
4. Langkah Penambahbaikan Kawalan dan Penguatkuasaan



2

## OBJEKTIF PEMBENTANGAN


- Memberikan gambaran keseluruhan mekanisme yang dilaksanakan oleh KPDN bagi mengawal dan menstabilkan harga jualan minyak masak
- Memaklumkan kepada Jawatankuasa Isu-isu dan cabaran dalam pengurusan subsidi minyak masak

3

## EKOSISTEM INDUSTRI MINYAK MASAK NEGARA



4



## SENARIO HARGA MINYAK MASAK



6


SULIT

## SENARIO SEMASA: TREND HARGA MINYAK SAWIT MENTAH (CPO)



SULIT

## SEJARAH HARGA MINYAK MASAK DALAM BOTOL DAN POLIBEG DI MALAYSIA



# MEKANISME KAWALAN HARGA MINYAK MASAK SEDIA ADA



9

SULIT

## MEKANISME SEMASA KAWALAN HARGA MINYAK MASAK



Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) menyediakan minyak masak bersubsidi dalam bentuk pek polibeg 1kg. Program ini diteruskan dengan mengekalkan harga jualan runcit [minyak masak bersubsidi polibeg 1kg pada harga RM2.50](#).



Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak (MKHMM) sebagai [langkah sementara](#) untuk mengawal kenaikan harga minyak masak dalam botol. Melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM150 juta pada tahun 2022. [Mekanisme ini berakhir pada 30 Jun 2022](#).



Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak Berasaskan Harga Minyak Sawit Mentah (CPO) (Siling Bergerak) untuk mengawal harga jualan runcit minyak masak botol tanpa subsidi. [Mekanisme ini bermula pada 8 Ogos 2022 sehingga kini](#).

MEKANISME

	30 Julai 2021	1 Ogos 2021	30 Jun 2022	1 Julai hingga 7 Ogos 2022	8 Ogos 2022	7 April 2023	8 April 2023	30 Jun 2023
Polibeg 1kg	Berterusan							
Botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg	Harga Pasaran (market driven)	MKHMM Mula	MKHMM Tamat	Harga Pasaran (market driven)	Mekanisme Penetapan Harga Siling Bergerak			

SULIT 10

## Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS)

Had Kuota Bulanan		Bilangan Syarikat			Jumlah Kuota diluluskan			
60,000 MT		366			64,800MT			

NEGERI	BIL SYARIKAT AKTIF	BIL SYARIKAT BELUM OPERASI	BIL SYARIKAT GANTUNG	JUMLAH SYARIKAT DENGAN KUOTA	JUMLAH KUOTA DILULUSKAN (AKTIF)	JUMLAH KUOTA DILULUSKAN (BELUM OPERASI)	JUMLAH KUOTA DILULUSKAN (GANTUNG)	JUMLAH KUOTA DILULUSKAN (KE SELURUH AN)
JOHOR	40	0	0	40	7,875	0	0	7,875
KEDAH	21	0	0	21	3,444	0	0	3,444
KELANTAN	18	0	0	18	2,686	0	0	2,686
MELAKA	13	0	1	14	1,961	0	29	1,990
NEGERI SEMBILAN	16	0	0	16	2,722	0	0	2,722
PAHANG	16	0	1	17	2,290	0	164	2,454
PERAK	30	0	0	30	4,302	0	0	4,302
PERLIS	5	0	0	5	496	0	0	496
PPINANG	25	0	0	25	3,434	0	0	3,434
SELANGOR	71	3	1	75	15,665	450	80	16,195
TERENGGANU	15	0	1	16	1,957	0	200	2,157
WPKL	15	0	0	15	3,767	0	0	3,767
WPLABUAN	0	0	0	0	0	0	0	0
WP PUTRAJAYA	0	0	0	0	0	0	0	0
SABAH	46	1	0	47	7,161	150	0	7,311
SARAWAK	26	1	0	27	5,817	150	0	5,967
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>357</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>366</b>	<b>63,577</b>	<b>750</b>	<b>473</b>	<b>64,800<sup>1</sup></b>

**SULIT**

## MEKANISME SEMASA KAWALAN HARGA MINYAK MASAK

	Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS)	Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak (MKHMM)	Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak CPO (Siling Bergerak)
Tahun Diperkenalkan	2007 sehingga kini 2007 (MPOB) → 2016 (KPDNHEP)	2021 (1 Ogos 2021) sehingga 30 Jun 2022	2022 (8 Ogos 2022) sehingga kini
Mekanisme Subsidi dan Kadar Subsidi	<p>Bayaran kepada kilang penapis dan kilang pembungkusan bagi pengeluaran minyak masak dalam kemasan polibeg 1kg</p> <p>Nilai threshold melayakkan Harga RBD PL &gt; RM2,300/MT</p> <p><b>Kadar Subsidi kepada Kilang Penapis (Subsidi Pukal)</b> (Harga Purata RBD PL Pasaran - Harga Threshold (RM2,300) x kuota</p> <p><b>Bayaran kepada Syarikat Pembungkusan (Subsidi Pembungkusan)</b> Kadar Tetap RM600/MT x Kuota</p>	<p>Bayaran kepada kilang penapis dan kilang pembungkusan bagi pengeluaran minyak masak dalam kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg</p> <p><b>Bayaran kepada Kilang Penapis dan Syarikat Pembungkusan</b> Nilai Threshold yang melayakkan CPO &gt; RM3,700/tan</p> <p><b>Kadar Subsidi</b> (Harga Purata Bulanan CPO Pasaran - Nilai Ambang CPO) x kuota</p>	<p>Tiada bayaran kepada kilang penapis dan kilang pembungkusan</p> <p>Harga siling ditentukan setiap bulan berdasarkan pengumuman harga purata CPO oleh MPOB pada 1hb.</p> <p>Harga siling baharu setiap bulan berkait kuasa pada 8hb sehingga 7hb bulan berikutnya.</p> <p>Harga ditentukan berdasarkan rundingan bersama industri.</p>
Gred Minyak	RBD PL CP10	RBD PL CP6	RBD PL CP6
Jumlah Kuota	60,000 MT/bulan	25,000 MT/bulan	Tiada kuota
Harga Jualan	<b>RM2.50 bagi setiap polibeg 1kg</b>	<p>Harga Siling Maksimum (Seksyen 4, AKHAP2011)</p> <p>1kg : RM6.70</p> <p>2kg : RM12.70</p> <p>3kg : RM18.70</p> <p>5kg : RM29.70</p>	Tidak boleh melebihi harga kawalan siling bergerak yang telah ditetapkan setiap bulan.

**SULIT**

## Rekod Kawalan Harga Minyak Masak Botol Berdasarkan Harga CPO

Bulan	(A) Harga Purata CPO (MPOB) bagi bulan	(F) Tarikh Mula	5kg	3kg	2kg	1kg
7	4,069.00	8/8/2022	34.70	21.70	14.70	7.70
8	4,169.00	8/9/2022	33.50	21.10	14.30	7.50
9	3,750.00	8/10/2022	31.50	19.90	13.50	7.10
<b>10</b>	<b>3,670.00</b>	<b>8/11/2022</b>	<b>30.90</b>	<b>19.60</b>	<b>13.30</b>	<b>6.90</b>
11	4,060.00	8/12/2022	30.90	19.60	13.30	6.90
12	3,932.72	8/1/2023	30.90	19.60	13.30	6.90
1	3,922.00	8/2/2023	30.90	19.60	13.30	6.90
2	3,908.00	8/3/2023	30.90	19.60	13.30	6.90
3	4,160.39	8/4/2023	30.90	19.60	13.30	6.90
4	4,217.00	8/5/2023	30.90	19.60	13.30	6.90
5	3,795.00	8/6/2023	30.90	19.60	13.30	6.90

13

## PERBELANJAAN SUBSIDI MINYAK MASAK

TAHUN	HARGA PURATA CPO TAN	KUOTA MINYAK MASAK PEK POLIBEG 1KG (MT/BULAN)	MINYAK MASAK PEK POLIBEG 1KG (COSS)	KUOTA MINYAK MASAK DALAM BOTOL (MT/BULAN)	MINYAK MASAK BOTOL (MKHMM)
2019	RM2,119	60,000	RM269 juta	-	-
2020	RM2,765	60,000	RM528 juta	-	-
2021	RM4,417	60,000	RM2.194 billion	25,000	RM84.43 juta
2022	RM5,125	60,000	RM2.416 billion	25,000	RM288.76 juta
2023 (ANGGARAN)	*RM4,000	60,000	RM1.9billion	-	-

**Nota:**

Anggaran 2023 berdasarkan harga RBB PL 4,131.50/tan & CPO RM4,217.50/tan

\* sehingga Mei 2023

14

## **ISU SUBSIDI MINYAK MASAK (PROGRAM COSS)**



15

### **ISU MINYAK MASAK BERSUBSIDI : COSS**

- Permintaan yang tinggi di pasaran akibat kenaikan harga minyak masak dalam botol menyebabkan pengguna beralih kepada bekalan minyak masak paket (ketirisan dalaman).
- Perbezaan harga yang terlalu tinggi di antara harga minyak masak paket bersubsidi (RM2.50/kg), minyak masak tidak bersubsidi (RM6.90/kg) dan minyak masak terpakai (RM3.80/kg) membuka ruang kepada ketirisan.
- Minyak masak paket bersubsidi digunakan oleh peniaga mikro untuk menyediakan makanan bermasak. Menguatkuasakan larangan pembelian minyak masak paket bersubsidi boleh menyebabkan kenaikan harga makanan bermasak yang disediakan oleh peniaga mikro.
- Pertambahan bilangan premis yang menjual minyak masak bersubsidi menyebabkan pengedaran yang terhad di setiap premis.

16

## SEMAKAN SEMULA KUMPULAN SASAR BAHARU

Pada tahun 2023, KPDN telah meneliti semula keperluan minyak masak paket bersubsidi dan mengunjurkan keperluan telah meningkat seperti berikut :

Kategori	Jumlah Penggunaan (Ton/Bulan)
Isi Rumah B40 dan M40	27,943
Peniaga Mikro*	36,744
Pengusaha Kantin Sekolah dan Dewan Makan Asrama	4,810
Pusat Jagaan Wargamas dan Orang Kurang Upaya (OKU)	554
Jumlah	70,051

\* peniaga mikro dengan nilai jualan tahunan di bawah RM300,000

17

## SEMAKAN SEMULA KUMPULAN SASAR BAHARU

### Penggunaan Minyak Masak (M40)

#### a. Domestik

	Bilangan	Kadar	Unit Kadar	Jumlah Keseluruhan (MT)
Ketua Isi Rumah (sehingga M40)	5,821,400	400	kg/bulan	27,943
Jumlah Kecil a.	5,821,400			27,943

#### b. Peniaga Kecil dan Industri Mikro

	Bilangan	Kadar	Unit Kadar	Jumlah Keseluruhan (MT)
Restaurants	40,902	400	kg/bulan	16,381
Cafeterias / Canteens	2,818	400	kg/bulan	1,127
Fast Food Restaurant	841	400	kg/bulan	336
Mobile Food Carts	150	400	kg/bulan	60
Food stall & hawkers	44,151	400	kg/bulan	17,660
F&B preparation in market stalls/ hawkers (pasar tani / night market)	2,998	400	kg/bulan	1,199
Jumlah Kecil b.	91,860			36,744

#### c. Pengusaha Kantin Sekolah dan Dewan Makan Asrama

	Bilangan	Kadar	Unit Kadar	Jumlah Keseluruhan (MT)
Kantin Sekolah	8,813	450	kg/bulan	3,966
Dewan makan asrama	1,878	450	kg/bulan	844
Jumlah Kecil c.	10,691			4,810

#### d. Pusat Jagaan Wargamas dan Orang Kurang Upaya (OKU)

	Bilangan	Purata Bil	Unit Kadar	Jumlah Keseluruhan (MT)
Pusat Jagaan Wargamas	392	552	1.8kg/penghuni	389
Pusat Jagaan OKU	222	412	1.8kg/penghuni	185
Jumlah Kecil d.	614			554

JUMLAH BESAR (a + b + c + d) 70,051

18

## **LANGKAH PENAMBAHBAIKAN KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN**



19

### **Pelaksanaan Sistem eCOSS**



Sistem pengurusan subsidi minyak masak

Merekodkan jualan dan tuntutan subsidi minyak masak melalui sistem pusat



• 15 November 2021 - ECOSS go live

#### **Pilot**

- 1 Ogos 2022 - Selangor dan WPKL
- 1 Oktober 2022 - negeri bersempadan (Johor, Kelantan, Perlis, Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak)



• 1 Januari 2023 - Seluruh Malaysia



#### **Pilot Modul Subsidi Bersasar**


- 1 Januari 2024 - Negeri di sempadan negara

20

## Pemantauan Melalui eCOSS

### (1) SISTEM eCOSS

Pelaksanaan Modul Rekod Jualan Harian bagi minyak masak bersubsidi di semua peringkat :  
 Kilang penapis → Syarikat Pembungkus  
 • Syarikat Pembungkus → Pemborong / Peruncit  
 • Syarikat pemborong → Peruncit  
 • Peruncit → Pengguna (Modul Baharu)



## Tindakan KPDN untuk mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan

- Arahan Pengawal Bekalan pada 19 Januari 2021 : Had jualan sebanyak 3 unit minyak masak paket
- Larangan eksport minyak masak paket mulai 1 Ogos 2022 melalui pindaan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) (Pindaan) (No.2) 2022



Mewajibkan penandaan logo barang subsidi melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Penandaan Barang-Barang Kawalan) 2022 [P.U(A)252] berkuatkuasa 29 Julai 2022

- Mewajibkan semua lapisan pengedaran merekodkan jualan melalui sistem eCOSS mulai 1 Januari 2023. Ianya dijadikan sebagai syarat bagi membolehkan tuntutan bayaran balik subsidi.
- Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan termasuk melaksanakan OPS Terjah, melaksanakan audit di setiap peringkat rantai pengedaran minyak masak.

22

### Tindakan KPDN untuk mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan

- Membangunkan modul subsidi bersasar di dalam sistem eCOSS. Modul ini akan menghadkan jualan minyak masak bersubsidi kepada kumpulan sasaran serta mewajibkan penggunaan dokumen pengenalan diri sebagai syarat untuk membeli minyak masak bersubsidi. Modul ini dijangka siap pada penghujung tahun 2023.
- Mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)

23

## HALA TUJU MINYAK MASAK



24

## Hala Tuju

- Minyak masak paket bersubsidi dilaksanakan secara bersasar.
- Minyak masak botol dikawal harga melalui *Two-tier Pricing Mechanism*

25

**SEKIAN,  
TERIMA KASIH**

Bahagian Subsidi dan Bekalan  
Sektor Barang Kawalan dan Subsidi



26

## OPSYEN

Bil.	Perkara	COSS Sedia ada	Opsyen 1	Opsyen 2	Opsyen 3
1.	Kuota Sebulan	60,000	75,000	75,000	75,000
2.	Kuota Penimbang	Tiada	5,000	5,000	5,000
3.	Harga Ambang RBD Olien	RM2,300/ tan	RM2,300/ tan	RM2,760/tan	RM3,220/tan
4.	Harga Jualan	RM2.50/kg	RM2.50/kg	RM3.00/kg	RM3.50/kg
5.	Subsidi (Sebulan)	RM143.58 juta	RM191.44 juta	RM154.64 juta	RM117.84 juta
6.	Subsidi (Setahun)	RM1.72 bilion	RM2.30 bilion	RM1.86 bilion	RM1.41 bilion
Penjimatan dari Program COSS sedia ada (setahun)		Tiada	Tiada	RM308.8 juta	

**Nota: Pengiraan Implikasi kewangan dikira berdasarkan kepada purata harga RBDPL **RM4,093/tan**.**

27

**LAMPIRAN B**

**GAMBAR - GAMBAR LAWATAN KERJA  
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN  
KE SIME DARBY OIL LANGAT REFINERY SDN BHD,  
TELOK PANGLIMA GARANG, SELANGOR**

**20 JUN 2023 (SELASA)**







MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING  
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,  
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN

---

TAKLIMAT  
BERSAMA KEMENTERIAN PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI & KOS SARA HIDUP  
(ISU MINYAK MASAK BERSUBSIDI  
DAN TIDAK BERSUBSIDI)

---

BIL. 3  
KHAMIS, 15 JUN 2023  
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,  
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN  
BIL. 3 TAHUN 2023**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**KHAMIS, 15 JUN 2023**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Tuan Cha Kee Chin [Rasah] - *Pengerusi*  
YB. Tuan Edwin Anak Banta [Selangau]  
YB. Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]  
YB. Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]  
YB. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]  
YB. Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]  
YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]  
YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]

**URUS SETIA**

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]  
Encik Johari bin Junid [Pegawai Penyelidik, Seksyen Ekonomi dan Perdagangan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]  
Puan Khairil Liza binti Mohd Salleh [Pegawai Penyelidik, Seksyen Ekonomi dan Perdagangan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]  
Cik Jackie Mary Fernandis [Penasihat Undang-undang II]  
Puan Hazliana binti Yahaya [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas]  
Puan Farhan binti Mat Arisah [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas]  
Encik Ahmad Khairul Ridhwan bin Mohamed Hanif [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas]

## **HADIR BERSAMA**

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kosara Hidup**

YBhg. Datuk Roziah binti Abudin [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri)]

YBhg. Dato' Dr. Stanley Tan [Pengarah Kanan (Sektor Barang Kawalan dan Subsidi)]

YBrs. Dr. Rosbi binti Abd Rahman [Pengarah Bahagian Dasar (Perancangan Strategik dan Antarabangsa)]

YBrs. En. Norzam Adhar bin Mohd Nor [Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Subsidi dan Bekalan)]

YBrs. Tuan Shahrudin bin Hamzah [Ketua Seksyen Bahagian Penguatkuasa]

YBrs. Tuan Haji Yunus bin Tasim [Pegawai Tugas-tugas Khas Pejabat Menteri]

**Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)**

En. Hamizun bin Hamzah [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan)]

**Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan [KPKM]**

En. Abszra Davadason Peter [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik)]

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN BIL. 3 TAHUN 2023**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**KHAMIS, 15 JUN 2023**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.31 petang**

*[Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin mempergerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** Okey. Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia Madani kepada semua yang hadir. Bersama dengan saya pada petang ini ialah Yang Berhormat Selangau, Yang Berhormat Keningau, Yang Berhormat Gopeng dan juga wakil daripada KPDN yang diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri) dan juga pegawai-pegawai kanan yang hadir pada petang ini dan juga wakil daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan juga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan selaku ex-officio, Encik Sukri dan juga rakan-rakan sekretariat yang telah menjayakan mesyuarat kali yang ketiga tahun 2023 untuk mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian pada petang ini.

Terima kasih kepada semua yang hadir yang telah membolehkan kita menjayakan mesyuarat ini. Mesyuarat ini sebenarnya sudah tukar banyak kali dari pagi, daripada Selasa lepas itu ada masalah bilik, tukar banyak kali tetapi akhirnya kita dapat adakan pada hari terakhir persidangan Parlimen ini. Sebab isu yang terlibat petang ini akan bincang satu isu sahaja *very focus* kepada isu iaitu berkenaan dengan minyak masak peket bersubsidi yang harga jualan runcitnya RM2.50 yang kita tahu.

Jadi, saya tidak mahu bercakap panjang. Saya bagi peluang kepada Yang Berbahagia Datuk dan juga wakil daripada KPDN untuk memberikan taklimat sebelum Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain boleh mengemukakan apa-apa soalan berdasarkan pembentangan oleh Yang Berbahagia Datuk. Jadi, saya mempersilakan Yang Berbahagia Datuk.

**Datuk Roziah binti Abudin [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri):** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum*

*warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang, salam Malaysia Madani. Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin, Pengurus Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian dan Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Bersama saya ada pegawai daripada Bahagian Barangan Kawalan dan Subsidi, Bahagian Dasar dan juga penguat kuasa kementerian yang akan bersama-sama untuk menerangkan berkaitan dengan perkara yang kita akan bincangkan. Sebenarnya Yang Berhormat, kami ingin membentangkan ataupun memberi penerangan berkaitan dengan kawal selia industri minyak masak termasuklah minyak masak peket yang kita subsidi kan.

Oleh sebab in order *for us to understand about this* minyak masak peket, kita kena tahu keseluruhan industri minyak masak termasuk juga minyak masak yang dibotolkan kerana ia ada kaitan dengan pengurusan minyak masak berpeket itu.

Objektif Yang Berhormat, kandungan pembentangan saya akan menyentuh berkaitan dengan senario harga minyak masak termasuk juga harga CPO ataupun harga minyak sawit mentah. Kedua, adalah berkaitan kaedah kawalan harga minyak masak yang kita ada sekarang dalam negara untuk kedua-dua minyak masak peket dan juga minyak masak botol. Ketiga, adalah berkaitan isu pengurusan dan juga industri minyak masak bersubsidi dan tidak bersubsidi dan terakhir adalah langkah-langkah penambahbaikan kawalan dan penguatkuasaan serta hala tuju yang kita akan ambil berkaitan dengan industri minyak masak negara.

*Next, saya skip yang ini. Okey next, next.* Sebelum kita bergerak lebih terperinci berkaitan dengan industri minyak masak negara, sukacita untuk saya bawa perhatian semua berkaitan dengan *players* yang ada dalam ekosistem industri minyak masak negara. *Players* ini dia terletak di bawah dua kementerian. Di peringkat hulu itu adalah di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi iaitu daripada peladang, ladang kelapa sawit dan juga kepada pengilang kelapa sawit iaitu daripada buah kelapa sawit yang di ekstrak dan juga diproses untuk menjadi minyak sawit mentah.

Selepas daripada itu, ia akan meliputi kilang penapis, *refinery* yang *further refine* minyak sawit mentah itu menjadi RBD *olein* yang boleh diguna pakai untuk menjadi seterusnya minyak masak dan kemudian kepada syarikat-syarikat pembungkus, *repackers*. Mengapakah wujudnya syarikat *repackers* ini? Adalah apabila kerajaan ingin mensubsidi minyak masak peket. So, dari kilang penapis ia akan hantar kepada *repacker* untuk *pack* dalam bentuk *polybag* itu dan daripada *repacker* pergi kepada pemborong, peruncit dan seterusnya pengguna.

Daripada tahap kilang penapis sehingga kepada pengguna, itu adalah di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Di sini kalau Yang Berhormat tengok daripada kilang penapis, syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit, itu adalah *player* yang kita lesenkan. Ia adalah barang kawalan dan setiap peringkat ini memerlukan lesen untuk menyimpan dan juga menjalankan urus niaga berkaitan dengan barang kawalan ini iaitu minyak masak. Jadi, untuk kilang penapis dia ada lesen pengilang, syarikat pembungkus dia ada lesen pemborong, betul ya? Kalau – pemborong juga ada lesen pemborong dan peruncit adalah lesen peruncit.

Di situ Yang Berhormat akan tengok berapa banyak *playeryang* ada ataupun yang kita lesenkan, 21 buah kilang penapis, 366 buah syarikat *repacker*, 4151 pemegang lesen pemborong dan juga lebih 30,000 pemegang lesen runcit minyak masak. So, *this industry is highly regulated*. Saya percaya di peringkat MPC juga mereka mungkin memberi lesen kepada *miller* di situ.

Kalau kita tengok ini berkaitan dengan trend harga minyak sawit mentah iaitu CPO yang di bawah kawalan kementerian KPK itu, so kalau kita tengok di sini sebenarnya apa yang hendak tunjuk di sini adalah senario yang berlaku berkaitan dengan pergerakan harga minyak sawit mentah. Berdasarkan kepada carta yang kita paparkan ini, harga CPO sebenarnya dia telah melalui empat kali senario di mana CPO ini menunjukkan kenaikan yang tinggi.

Pertama adalah mungkin tidak nampak sangat di sini. Pada tahun 1997 hingga 1998 di situ semasa Krisis Kewangan Dunia dan kalau kita tengok 2007 dan 2009 juga berlaku *spike* di situ. 2010-2011 juga. Terakhir adalah 2020 hingga 2022. But what is interesting dalam ini untuk kita analisis adalah apabila kenaikan dalam tahun 2020 sehingga 2022 itu adalah kenaikan yang tertinggi di mana harga CPO mencecah sehingga RM8000 kerana pandemik.

#### ■1540

Akan tetapi, kalau kita tengok apa yang menjadikan kita khuatir adalah penurunan itu. Walaupun harga itu turun, harga itu tidak turun serendah harga CPO yang kita pernah *enjoy* sebelum ini. So, kalau tengok garis yang merah itu Yang Berhormat, yang di bawah itu adalah *threshold* kita sebanyak RM2,000 lebih kurang untuk CPO. *Threshold* kita bagi kita subsidi kan harga minyak masak peket itu. Kita letak *threshold* RM2,000 atau pun RBD *Olein* RM2,300. Anything above that line itu, kerajaan kena subsidi kan. Di atas itu, yang *colour* oren itu atau pun kuning itu adalah harga *threshold* yang kita letakkan semasa kerajaan dalam tahun 2021 sehingga mid tahun 2022 mensubsidikan harga minyak masak botol di situ. So, saya pergi dulu yang bawah itu. Kalau tengok di situ, mungkin tengok pada tahun-tahun sebelum ini, apabila kita subsidi kan minyak masak peket itu, bebanan kewangan kerajaan itu

tidak berapa membebankan lah tetapi *if you see now*, CPO itu berlebar di paras RM3,500 dan naik kepada RM4,000. Jadi, di situ lah di mana bebanan kerajaan masih lagi berada pada tahap yang tinggi kerana beza *threshold* dengan harga CPO sekarang itu.

Tadi, saya nyatakan berkaitan dengan harga minyak masak kita sama ada minyak masak peket atau botol itu sangat bergantung kepada harga CPO. CPO ini sebenarnya dia daripada CPO dia menjadi *further refine* lagi menjadi RBD *Olein* itu. RBD is *refined, bleached & deodorized* itu sebelum dia menjadi minyak masak itu. Ini saya hendak tunjukkan berkaitan dengan minyak masak botol juga. Kita selalu terlupa berkaitan dengan minyak masak botol. Sebenarnya minyak masak botol juga mengalami masalah yang sama apabila harga CPO meningkat naik. Kalau tengok di situ, sebelum ini kita masa harga yang rendah itu, harga minyak masak botol itu dalam *the five kilogram is around RM22 then* kita pernah juga *enjoy* minyak masak botol pada harga belasan itu pada tahun *before* tahun 2000 itu.

So, apabila berlaku pandemik, pada masa itu, harga CPO apabila harga CPO mencecah naik sehingga kepada RM80,000 itu, di situ lah di mana kerajaan memperkenalkan subsidi kepada minyak masak botol pada masa itu. Daripada *period* Januari 2021 sehingga ke Jun or Julai 2022. Itu ada di situ. Kalau kita tengok lah. Kalau tengok ada elemen subsidi itu dan apabila kita hentikan subsidi itu dalam bulan Jun 2021, *we stop that*. Harga minyak masak botol pada masa sebulan itu, *I still remember* Julai 2022, harga minyak masak menjadi harga itu meningkat kepada RM42 per kilogram. So, *after that* kita tidak *introduce* subsidi semula sebab bebanan sangat tinggi sekiranya kerajaan masih lagi hendak subsidi kan dua-dua, botol dan juga peket. Kita *introduce* satu polisi baharu di mana pergerakan CPO akan menentukan harga botol. So, kita tidak *free float* tetapi kita kira berapa naik so harga itu akan turun naik. Nanti saya akan tunjukkan.

So, *this is* pergerakan on harga minyak masak botol pula tetapi kita sebenarnya takut nanti orang terlupa Yang Berhormat. Kita sebenarnya ada dua jenis minyak masak sawit ini. Satu sebatian, satu lagi tulen. Kita subsidi kan adalah minyak masak tulen. Sebatian ini campuran. Kalau dia sudah campur dengan minyak-minyak lain, itu kita tidak kawal. So, yang itu kita apungkan. Senang hendak tahu kalau dia tulis situ sebatian, *is not* tulen. Kita tidak kawal harganya.

Ini yang saya nyatakan tadi, untuk mekanisme semasa kawalan harga minyak masak. Pertama, mungkin ramai yang tahu iaitu Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) yang menyediakan minyak masak bersubsidi dalam bentuk pek polibeg satu kilogram. Program ini kita teruskan dengan mengekalkan harga jualan minyak masak bersubsidi polibeg satu kilogram pada harga RM2.50. Skim ini

atau pun harga ini bermula dari tahun 2007 lagi yang kita tidak pernah *revise*. Harganya kita tidak *revise* dan juga dia punya *threshold* juga adalah pada *threshold* yang sama.

Kedua, adalah Program Mekanisme Kawalan Minyak Masak sebagai langkah sementara bagi mengawal kenaikan harga minyak masak dalam botol yang saya tunjukkan tadi itu dan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan, RM150 juta pada tahun 2020. Mekanisme ini macam yang saya nyatakan tadi telah berakhir pada 30 Jun 2022. Apabila skim yang kedua ini atau pun program kedua ini berakhir, kita memperkenalkan satu lagi skim iaitu Program Mekanisme Kawalan Minyak Masak Botol Berasaskan Harga Minyak Sawit atau Siling Bergerak (*Moving Ceiling Price*) untuk mengawal harga jualan minyak masak botol tanpa subsidi. Dia tidak ada subsidi tetapi kita kawal harga dia melalui harga CPO. Mekanisme ini bermula pada 8 Ogos 2022. So, yang kalau dalam tempoh bersubsidi itu, yang *colour* biru itu. Kita bayar subsidi minyak masak botol. Harganya seperti yang tertera. Satu kilogram RM6.70, dua kilogram RM12.70, tiga kilogram RM18.70 dan lima kilogram RM29.70.

So, saya hendak tunjukkan apa bezanya yang *colour* biru itu dengan apabila kita membuat mekanisme penetapan harga siling bergerak.

Ini adalah kawalan kepada slaid yang ke-13 ini adalah kawalan kepada harga *moving ceiling price*. Kalau kita tengok harga CPO, pada bulan tujuh itu, RM4,069 dan purata harga CPO pada bulan tujuh itu kita akan gunakan sebagai penetapan harga untuk bulan lapan. Bulan seterusnya. Selalunya bermula pada setiap lapan hari bulan. Pada masa itu, kita letakkan harga pada lima kilogram RM34 dan satu kilogram itu RM7.70. So, di situ dan apabila Yang Berhormat tengok dalam bulan lapan itu, RM4,169, harga dia itu berubah dan sebagainya lah mengikut turun naik yang itu. Akan tetapi, mungkin bulan tujuh kita kasi harga dia lebih sedikit untuk sesi itu. RM42 di situ, kita turunkan di situ tetapi harga siling bergerak ini, ironinya dia bermula pada bulan lapan itu sehingga ke bulan 11. Dia mengikut harga turun naik itu tetapi sejak dari bulan 11 dan sehingga sekarang, walaupun CPO menunjukkan penurunan turun naik itu tetapi kerajaan masih mengekalkan pada harga yang sama. *This is where* banyak *negotiation* kita buat dengan pihak industri. Industri pun *a bit reluctant* juga lah kalau kerajaan masih lagi mengekalkan harga siling sebegini. Tidak mengikut apa yang kita so *called* kita janjikan. Siling itu terpaksa bergerak dan sebagainya.

Sebenarnya, semasa CPO bulan tiga itu sudah mencecah balik. Naik balik kepada RM4,000 mereka meminta kerajaan sekiranya boleh untuk *introduce again* subsidi kepada minyak masak botol itu. Kalau tanpa minyak masak subsidi itu, harga sebenarnya boleh mencecah balik kepada RM35 tetapi itu apa yang berlaku

sekarang ini Yang Berhormat. Ini sebab *moving ceiling price* ini sepertinya dia tidak berlaku seperti apa yang kita hendak. Akan tetapi saya akan *explain* apakah yang kita akan cadangkan bagi menggantikan *moving ceiling price* itu kerana rakyat kita nampaknya tidak suka harga itu turun naik. Mereka hendak harga masih dikekalkan. So, we have a proposal for that. Nanti saya akan jelaskan.

Minyak masak peket. Had kuota disebabkan kita mensubsidi minyak masak peket ini, kita mempunyai had kuota bulanan sebanyak 60,000 tan metrik.

#### ■1550

Pada masa sekarang, ada 366 buah syarikat yang diberikan kuota ataupun yang diluluskan kuota minyak masak peket ini dengan jumlah kuota setakat ini yang diluluskan melebihi sedikitlah daripada had kuota bulanan itu iaitu sebanyak 64,800 metrik tan. Kami paparkan di sini bilangan syarikat dengan kuota yang mereka terima mengikut negeri.

Sebenarnya ini adalah sesuatu yang kita hendak *monitor* sahaja. Akan tetapi tidak bermaksud kuota yang diberikan kepada *repacker* itu hanyalah untuk jualan kepada negeri tersebut sahaja. Di Semenanjung itu ia boleh bergeraklah merentasi beberapa buah negeri kecuali bagi Sabah dan Sarawak yang sepatutnya kuota yang kita berikan itu adalah untuk negeri tersebut. Ini sebab kalau ia *cross* negeri Sabah or Sarawak macam pergi ke Semenanjung dan sebagainya, *something wrong somewhere*-lah di situ. Ini sebab kos logistik itu akan meningkat dan sebagainya.

Akan tetapi, *having said that*, ia sebenarnya berlaku. Kita noticed ada minyak ataupun *repacker* di Negeri Sabah. Sebagai contohnya yang kita nampak, dia juga menjual kepada Kelantan, kepada Pulau Pinang dan sebagainya. So that is where the red flag itu kita salurkan kepada Bahagian Penguatkuasa kita untuk mereka membuat siasatanlah kenapa minyak masak tersebut dia *cross* kepada negeri yang lain. Kalau ia untuk tujuan masih lagi kepada rakyat negara kita itu, tiada masalah. Kita khuatir benda itu pergi kepada seberang dan sebagainya. Kalau tengok sini yang paling banyak Selangor-lah, Yang Berhormat. 71 bilangannya. Okey.

Ini perbezaan antara bagaimana mekanisme semasa kawalan dan subsidi yang kita berikan tadi. Untuk yang oren itu [*Merujuk kepada slaid*], COSS itu adalah untuk minyak untuk minyak masak peket. Nilai *threshold* macam saya katakan tadi, RBD *olein* itu 2,300 per metrik tan ataupun CPO nya 2,000 begitu. Kita membayar subsidi kepada dua peringkat. Pertama kita membayar subsidi kepada kilang penapis, *refinery* itu, di mana harga purata RBD ataupun CPO kita tolak dengan *threshold* dan kita kali dengan kuota yang mereka terima.

Kita juga memberi subsidi kepada syarikat pembungkusan pada kadar tetap, RM600. RM600 adalah satu kadar yang membolehkan mereka cover kos operasi

mereka. Kita kalikan dengan kuota yang diterima di situ. Jumlah kuota macam saya nyatakan tadi adalah 60,000 metrik tan sebulan dan harga yang ditetapkan adalah RM2.50 di peringkat runcit.

Kedua itu adalah mekanisme kawalan minyak masak yang kita perkenalkan *for a short period of time*, Ogos 2021 sehingga 30 Jun. Ini kita cuma memberi subsidi kepada syarikat kilang penapis sahaja yang juga turut menjadi syarikat pembungkus ataupun membotolkannya. *Threshold*-nya lebih tinggi iaitu sekiranya CPO melebihi 3,700 kerajaan akan subsidi-kan nilai perbezaan itu, harga CPO dengan nilai ambang itu. Ini kuota yang diberikan adalah 25,000 metrik tan *in order for us to maintain* harga botol pada masa itu seperti yang tertera itu.

Apabila kita sudah *stop this* program subsidi, kita perkenalkan *the moving ceiling price* tanpa kuota dan tanpa subsidi kerajaan. Kerajaan hanya mengeluarkan harga kawalan setiap bulan. Kalau Yang Berhormat perasan, setiap bulan kita mengumumkan warta harga minyak masak botol yang baharu. Daripada *one kilogram, to two kilogram, three kilogram and five kilogram*.

Okey, ini saya sudah terangkan. Okey, ini cuma hendak menunjukkan apakah perbelanjaan kerajaan bagi membayar subsidi minyak masak. Secara tahunannya saya boleh katakan, Kementerian Kewangan mula-mula akan memperuntukkan dalam RM500 juta hingga RM700 juta untuk tujuan peruntukan subsidi bagi membayar subsidi sama ada minyak masak peket ataupun botol pada masa itu sekiranya kita membayar. Akan tetapi kita tahu perbelanjaan sebenarnya itu akan mengikut harga CPO.

Jadi kalau kita tengok semasa kita membelanjakan hampir RM2.5 bilion ataupun RM2.42 bilion pada tahun 2022 kerana harga CPO yang tinggi. Purata pada tahun 2022, CPO adalah RM5,125 per metrik tan. So, kita membelanjakan tinggi.

Dalam tahun ini 2023, macam saya nyatakan. Walaupun CPO menunjukkan penurunan tetapi masih lagi berlegar di paras RM4,000 metrik tan itu. Setakat ini kita mungkin akan membelanjakan lebih kurang RM2 bilion jugalah iaitu tanpa kita ambil kira minyak masak botol yang kita tidak subsidi-kan. So, itu senario yang berlaku. Sekiranya CPO itu masih berada pada tahap yang tinggi dan kita tidak *revise threshold* kita kerana kita hendak *maintain* harga runcit sebegini, itulah jangkaan perbelanjaan kerajaan untuk setahun.

Minyak masak peket kita yang banyak menjadi isu. Mungkin kita kata ia menjadi isu sekarang adalah kerana harga yang terlalu rendah. Jika kita hendak bandingkan dengan harga minyak masak botol. Kenapa kami membentangkan petang ini, untuk makluman Yang Berhormat, semua minyak masak botol dan juga minyak masak peket kerana kita hendak maklumkan walaupun kita mengawal harga

minyak masak botol itu pada satu kadar yang kita rasakan *reasonable* untuk rakyat kita, tetapi tekanan kepada minyak masak peket masih lagi tinggi. Apatah lagi kalau kita tidak kawal harga minyak masak botol, perbezaan yang terlalu jauh itu akan memberi tekanan kepada minyak masak peket. Itu apa senario yang berlaku.

Kalau dahulu apabila minyak masak botol itu harganya belas-belas ringgit sahaja, orang tidak pandang pun *this* minyak masak peket pada masa itu. Akan tetapi sebab harganya yang terlalu jauh itu menyebabkan permintaan yang sangat tinggi terutamanya daripada peniaga-peniaga mikro. Sebenarnya, secara polisinya minyak masak peket itu adalah untuk kegunaan domestik. Itu untuk– tidak kiralah T20 sehingga kepada B40. Akan tetapi untuk kegunaan rumah, bukan untuk kegunaan komersial termasuk juga peniaga mikro.

Akan tetapi KPDN tidak pernah mengambil tindakan kepada peniaga-peniaga mikro macam peniaga goreng pisang dan sebagainya sekiranya mereka membeli minyak masak peket itu. Kita tidak pernah ambil tindakan tetapi kita *monitor* rapat mana-mana *establishment* seperti restoran, hotel. Kalau mungkin mereka membeli minyak masak peket ini. Namun kalau kita tengok ada peruncit mengehadkan pembelian tiga peket *per customer*. Itu merupakan kawalan dalaman.

Ini sebab kalau kita benarkan membeli itu, lebih banyak peniaga-peniaga yang akan membeli dalam *bundle* itu. Sebab itu kita katakan tiga peket itu adalah kawalan dalamanlah untuk menyukarkan sedikitlah. Kalau peniaga pun dia hendak pergi, dia kena datang berkali-kali ataupun pekerja dia kena datang. Itu adalah kawalan dalaman yang kita buat untuk minyak masak peket ini.

Lagi satu perkara berkaitan dengan isu minyak masak bersubsidi peket ini adalah harga minyak masak terpakai (*used cooking oil*). *Used cooking oil* sekarang kalau kita jual *used cooking oil* per kilogram, *collector* tu akan bayar kita RM3.80. *The price is higher than* harga minyak masak peket itu, yang belum digunakan di situ. Orang boleh beli masak satu kali pun, mungkin dia boleh jual sudah di situ. Itu yang juga menjadi cabaran besar kepada kita ataupun tekanan kepada minyak masak peket kita. *Even though they use cooking oil, price is higher than our cooking oil* yang belum diguna pakai itu. So, itu juga merupakan isu kepada kementerian. Sebenarnya *used cooking oil* ini *demand*-nya sekarang amat tinggi terhadap industri *biofuel* di situ. Ini Yang Berhormat saya rangkumkan isu besarlah sebenarnya berkaitan dengan tekanan, permintaan yang tinggi terhadap minyak masak peket.

Walaupun kami nyatakan berkaitan dengan minyak masak peket itu, kuotanya adalah 60,000 metrik tan dan kita tidak pernah mengambil tindakan ke atas peniaga-peniaga mikro ini, namun kementerian sedang meneliti semula keperluan minyak masak peket bersubsidi.

**■1600**

Kita unjurkan keperluan telah meningkat walaupun kita keluarkan. Di sini kita keluarkan isi rumah T20. Kita tinggalkan isi rumah B40 dan M40. Kita masukkan peniaga mikro juga pengusaha kantin sekolah, dewan makan asrama dan pusat jagaan warga emas, orang OKU. Kita dapati kita ada keperluan untuk menambah kuota minyak masak paket daripada 60,000 metrik tan kepada 70,000 metrik tan. Namun ini adalah semakan ataupun apa yang kita buat di peringkat KPDN yang kemungkinan kami akan *cut* untuk keputusan daripada kerajaan untuk melihat perkara ini sama ada pertambahan ini boleh di pertimbangkan oleh kerajaan. *70,000 metric tan*. Mungkin ramai kalau dikira secara, tidak ada dalam slaid ini Yang Berhormat. Kalau dikira secara statistik sebetulnya kalau ikut per kapita dan sebagainya kita kira *on paper* mungkin 60,000 metrik tan itu mungkin cukup.

Akan tetapi itu tidak bermaksud edaran itu sekata. Jadi, ini adalah lebihan analogi yang pegawai saya selalu gunakan macam kita buat kenduri, bufet dan juga ala carte. Ala carte you boleh *estimate* betul-betul or daripada jemputan you akan makan sedikit. Akan tetapi bila kita buka bufet, buka semua orang akan ambil banyak. *So that this why* kita rasa ataupun kami *strongly feel that* keperluan itu perlu dilebihkan sedikit memandangkan kita tidak kawal edaran itu. Bila mereka keluar mereka boleh mengedarkan sendiri. Mungkin di situ lah berlaku apabila *certain* kawasan itu kita dapati ada kekurangan minyak masak. *It doesn't happen everywhere*.

Tuan Pengerusi sendiri juga telah menyatakan di bawah di kawasan ataupun Parlimen menghadapi masalah. So, bila kita turun ke bawah, Tuan Pengerusi *your constituency* itu isunya yang sebenarnya adalah apabila peruncit mengenakan *credit term* yang terlalu lama. *This is beyond our control. It's just a model* perniagaan, okey. Mydin even AEON 90 hari. *That is why* pemberong tidak mahu *supply* di situ. So, it's a business punya *arrangement* di situ. Ia berlaku *destruction* di situ. Kami tidak mahu orang kata we are actually sengaja untuk memohon pertambahan ini tetapi ada model-model perniagaan itu yang bukan dalam kawalan kerajaan. Sukar untuk kerajaan. Bila dia tidak mahu beli ataupun ada pemberong yang berhutang lama dengan *repacker*. So, *repacker* pun tidak mahu beri pada dia, tunggu dan sebagainya. Itu yang *destruct* kita punya bekalan di peringkat peruncitan itu. Itu apa yang berlaku. Okey, *next*.

*This is some of* kami punya pengiraan sebenarnya Tuan Pengerusi. Kalau Tuan Pengerusi lihat di situ, kadar yang kami letakkan pada isi rumah 4.8 kg per bulan. Kalau ikut DOSM sebenarnya ada yang kata kita cukup 3.5 saja penggunaan. Kami lebihkan di situ. Sama juga untuk kegunaan peniaga mikro, 400 kg per bulan

yang mungkin kalau ikut statistik yang betul-betul ia kata 300 or 350 pun cukup dan sebagainya. *So that is how we come up* dengan 70,000 metric tan untuk minyak masak peket. Okey, *next*.

Masalah COSS ataupun minyak masak peket ini selalu dikaitkan dengan ketirisan. Kalau kita tengok apa yang kami buat sekarang untuk ketirisan itu adalah secara manual penguatkuasaan oleh bahagian penguat kuasa kita yang akan *track* daripada *refinery* kepada *repacker*, pemborong dan juga kepada peruncit itu. Hendak tengok dekat mana hilang dan sebagainya. Akan tetapi itu adalah tindakan yang sangat reaktif. Kadang-kadang kena tunggu aduan dan sebagainya. Akan tetapi mulai November 2021, kementerian telah membangunkan sistem yang kita panggil ECOSS yang kita mulakan pada tahun 2021 dan sekarang ini bermula 1 Januari 2023 kita sudah perluas di seluruh Malaysia.

Apa yang berlaku dalam sistem ECOSS ini semua *refinery*, *repacker*, pemborong dan sebagainya kena berdaftar dalam sistem itu. Melalui sistem kita tahu pergerakan minyak masak tersebut. Oleh sebab *repacker* dan juga *refinery* senang. Ia akan *claim* subsidi. Kalau ia tidak masuk dalam sistem, ia tidak melaporkan kepada kami transaksi yang berlaku mereka tidak akan dapat subsidi. Sama juga kepada pemborong dan juga peruncit. Sekiranya mereka tidak melaporkan dalam sistem itu, maka mereka kita boleh blok untuk mereka membeli minyak masak dan sebagainya. Ini apa yang kami panggil sebagai tindakan penguatkuasaan proaktif oleh pihak KPDN.

Melalui sistem ini *this is what interesting about this system*, melalui sistem inilah kami juga tahu banyak *repackers* ini sebenarnya yang jual *across negeri* yang macam tidak logik itu. Kami dapati dari Sabah even Pantai Barat, yang banyak banyaknya di Pantai Timur *repacker* tidak sanggup hendak hantar minyak peket kepada Pantai Barat. Akan tetapi mereka boleh pula jual sehingga ke negeri di Semenanjung Malaysia, di Pulau Pinang dan juga di Perak kalau tidak silap saya. *So from there they* beri kita *red flag* sedikit. *Alert* kepada kita untuk kita pergi dan tanya, “*Kenapa perkara tersebut berlaku?*”. *So, this system* ECOSS ini memang sangat baik untuk kita tengok pergerakan minyak masak peket kita..

So, okey yang ini adalah sehingga di situ Tuan Pengurus, apa yang kita buat sekarang daripada peringkat *refinery* sehingga kepada peringkat peruncit. So, apabila kerajaan sekarang mengumumkan berkaitan dengan subsidi bersasar, saya pun tidak boleh hendak beritahu subsidi bersasar ini siapa yang kerajaan akan luluskan untuk menikmati subsidi minyak masak paket ini. Akan tetapi sekiranya kerajaan umumkan hanya untuk sebagai contoh untuk B40 sahaja, kita akan panjangkan sistem ECOSS ini sehingga kepada pengguna. Maksudnya *every*

pengguna yang layak untuk membeli itu akan dapat *identification* dalam sistem tersebut. *So this system* boleh *expand* sehingga peringkat pengguna. So, sekarang ini apa yang berlaku hanyalah di peringkat peruncitan itu. Namun mungkin di sini walaupun pemegang lesen runcit kami ini ada 32,000 orang tetapi dalam sistem berdaftar sekarang ini baru 18,000 orang. Kami masih lagi melihat di mana *loophole* itu berlaku dan kenapa mereka tidak mahu mendaftar. Kemungkinan di situ kita boleh kata kalau ada ketirisan dan sebagainya. Kami cuba hendak tutup dulu. Jadi sistem ini akan tutup keseluruhan rantaian itu bermaksud pergerakan minyak masak peket itu kita ketahui sehingga lah siapa yang membeli.

Ini adalah tindakan-tindakan lain yang telah dilaksanakan. Saya nyatakan tadi had jualan tiga unit paket minyak masak sahaja. Kita juga melarang eksport minyak masak peket. Minyak masak polibeg itu dilarang untuk dieksport. Tidak boleh dieksport. Lepas itu kita ada tandaan barang bersubsidi pada peket ataupun botol minyak masak kita. Mewajibkan semua lapisan pengedaran merekodkan jualan melalui sistem ECOSS dan aktiviti penguatkuasaan yang kami sentiasa jalankan selama ini. So, ada statistik sedikit saya rasanya untuk aktiviti penguatkuasaan ini. Subsidi, yang ini saya sudah jelaskan.

Kalau kita tengok ini adalah statistik kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan kita. Untuk minyak masak ada 716 kes yang telah kita ambil. Kebanyakan kesalahan saya boleh katakan adalah tidak menyelenggarakan buku stok. Tidak menyelenggarakan buku stok ini bukanlah satu kesalahan yang kecil. Ia sebenarnya adalah kesalahan yang besar sebab mereka sengaja tidak selenggarakan buku stok itu kerana mereka ingin menutup aktiviti-aktiviti kesalahan yang lebih besar iaitu kalau mereka menjual kepada pihak ataupun menyeludup. Oleh sebab itu mereka tidak menyelenggarakan buku stok. Tidak menyelenggarakan buku stok sebenarnya adalah satu kesalahan yang besar di bawah Akta Kawalan Bekalan. Selain daripada yang lain, ada lagi dalam slaid ini?

Nilai rampasan minyak masak daripada kes yang kita ambil adalah sebanyak RM16,749,728. Kami baru balik daripada Selatan Thailand di kawasan Golok, masih lagi kita jumpa ada minyak masak peket yang dijual di Pekan Golok tersebut. Mereka jual dalam harga 40 Bhat.

#### ■1610

Lebih kuranglah ataupun RM4 lebih harga di sana itu. Masih kita nampak ada di kawasan di negara jiran kita. Masih ada kita jumpa walaupun kita kata kita telah membuat larangan eksport tersebut. So, masih ada. Okey, saya rasa ini slaid saya yang terakhir, Yang Berhormat. Next.

Okey, hala tuju. Hala tuju minyak masak peket macam saya nyatakan tadi untuk minyak masak peket kita akan buat secara bersasar. Menunggu keputusan kerajaan, kumpulan sasarannya yang akan diputuskan dan sekiranya kita tahu siapa kumpulan sasar itu kami akan panjangkan sistem eCOSS kami sehingga ke peringkat pengguna.

Okey, jadi untuk minyak masak botol pula yang macam saya nyatakan di sini, minyak masak botol kami kawal secara siling bergerak itu. Namun, walaupun namanya polisi siling bergerak, harga minyak masak botol tidak bergerak-gerak. Oleh sebab rakyat kita tidak suka hendak lihat itu.

Jadi, apa yang kita buat kita, kita ke arah *two-tier pricing mechanism*. *Two-tier pricing mechanism* ini bermaksud minyak sawit mentah yang dikeluarkan oleh negara akan mengguna pakai dua sistem harga yang berlainan. Harga yang dijual untuk eksport CPO eksport ikut harga pasaran. Manakala, harga CPO untuk dijual bagi kegunaan dalaman bagi menghasilkan minyak masak akan diletakkan pada satu harga yang dikawal oleh kerajaan supaya harga minyak masak botol itu nanti pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan.

Untuk makluman semua, daripada jumlah CPO yang dihasilkan dalam negara hanya 1.6 peratus sahaja CPO yang digunakan dalam negara untuk tujuan minyak masak botol. *It is so little. 1.6 per cent* sahaja. Enam peratus untuk dalam negara tetapi kebanyakannya kita sudah subsidi bawah peket. Untuk botol, hanya 1.6 *per cent* sahaja digunakan untuk industri minyak masak botol dalam negara.

Jadi, kita merasakan untuk faedah rakyat, sepatutnya 1.6 *per cent* minyak sawit mentah ini perlulah kita panggil sebagai *cross-subsidise* untuk faedah kerajaan. So, *that is* hala tuju yang kita hendak cadangkan kepada kerajaan. *Hopefully* mendapat sokongan daripada Yang Berhormat supaya kita ada *two-tier pricing mechanism* untuk CPO yang akan dijual dalam negara. Itu sahaja, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Roziah atas pembentangan yang bagi saya bersama dengan slaid yang kami ada. Cuma, saya rasa ada satu ke dua slaid yang tidak ada dalam naskhah yang kami terima. Lain itu semua ada. Saya rasa agak *very informative*. Mendapat *info*.

Saya rasa saya mulakan dengan beberapa soalan dahulu. Saya rasa selepas itu saya buka kepada rakan-rakan yang lain. Okey, soalan pertama saya berkenaan dengan— saya nampak carta ini ataupun diagram ini [*Merujuk kepada slaid pembentangan*]. Kita mula dengan MPC sebelah sini, okey? Selepas itu, MDT domestik sebelah sini. Tengah-tengah ini, sebab subsidi akan bermula di sini. So, subsidi ini ia dapat daripada sebelah mana? Sebelah KPDN?

**Datuk Roziah binti Abudin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kilang di sebelah situ adalah daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri.

**Tuan Pengerusi:** Bawah you all lah? Cuma, dekat sebelah sini sahaja MPC.

**Datuk Roziah binti Abudin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yes, betul.

**Tuan Pengerusi:** *First and second*, peladang dan milik. Okey, itu yang pertama. Kedua, saya nampak ada satu statistik menunjukkan 64.8 ribu metrik tan. Saya rasa angka yang kita tahu sebelum ini 60,000.

Saya sendiri pernah tanya satu soalan yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri pada sesi bulan Februari hari itu 60,000 metrik tan. Yang Berhormat Menteri pun kata 60,000 metrik tan. Saya rasa 60,000 metrik tan itu daripada menteri sebelum ini. Saya pernah bincang dengan Dato Sri Alex pada ketika itu pun memang 60,000 metrik tan.

Cuma, saya hendak kaitkan ini dengan satu soalan daripada Yang Berhormat Kepong pada 25 Mei 2023 yang lepas yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Okey, tetapi yang ini nampak agak seriuslah. Soalan tambahan dia kata *"Adakah benar pada bulan November lalu seorang pegawai tinggi di kementerian telah menyalahgunakan kuasa?"* Dia kata ada tambah kuota dan sebagainya. Selepas itu, ada kedengaran di luar kata tambah 5,000 metrik tan.

Akan tetapi, Yang Berhormat Timbalan Menteri jawapan dia saya nampak dia masih *maintain* kepada 60,000 metrik tan, okey. Akan tetapi, sekarang ini saya nampak 64.8 metrik tan. Ia macam ada tambah 4.8 ribu metrik tan. Jadi, benda itu saya rasa kami hendak dapatkan penjelasanlah. *I believe something* untuk *increase* benda itu berdasarkan statistik yang dibentangkan kepada kami untuk keperluan ini. Oleh sebab jumlah kuota yang diluluskan. Cuma, benda itu kenapa kita asyik sebut 60,000 metrik tan dekat luar itu? Okey, ataupun ada apa-apa kekangan dan sebagainya? Saya minta nanti mungkin Datuk boleh apa...

Kedua, soalan seterusnya kawalan dalaman. Tadi Datuk ada menggunakan term 'kawalan dalaman' iaitu berkaitan dengan tiga peket itu, bukan? Itu memang kata orang *nationwide* gunakan ini ataupun siapa yang buat pilihan? Kalau ada kedai itu dia kata *"Saya tidak mahu jual tiga peket. Saya hendak lariskan jualan saya jual lima peket"*. *Is it allowed?* Adakah dibenarkan? Okey, next.

Okey, ada tidak apa-apa langkah daripada KPDN untuk mengatasi masalah harga minyak masak terpakai yang lebih tinggi? Oleh sebab tadi dikatakan RM3.80. Itu yang orang berlumba-lumba hendak beli minyak peket ini RM2.50. So, macam mana untuk kita selaraskan kedua-dua harga ini? Ada tidak apa-apa cadangan

ataupun pendekatan daripada pihak kementerian? Selepas itu, saya nampak tadi unjuran yang dicadangkan oleh pembentangan tadi kalau 70,000 metrik tan ia adalah cukup untuk peniaga mikro dan juga keluarga 80 *per cent* B40 dan M40.

Jadi, apakah keputusan kementerian sama ada perkara ini Menteri ataupun Kabinet itu dalam perbincangan ataupun setakat perancangan sahaja? Oleh sebab, saya rasa kalau benda ini dapat dilaksanakan ia akan membantu mengurangkan masalah yang dikatakan tidak cukup bekalan itu. Mungkin tidak boleh selesaikan secara keseluruhan tetapi *at least* ia membantu, okey?

Tadi, Datuk ada sebut fasal tempoh kredit itu termasuk AEON. Saya rasa semalam dengan Yang Berhormat Dato' Rosol pun Dato' ada sebut tiga bulan ia bagi kredit. Oleh sebab itu, pemborong pun malas hendak bagi dia. Saya hendak *share* satu. Ini saya *on record share* satu. Tahun lepas saya pernah buat jualan yang gunakan subsidilah yang gunakan peruntukan untuk bantu. Ketika itu saya bekerjasama dengan NSK. Ini antara pasar raya yang besar dan ada pemborong di Seremban yang enggan bagi minyak kepada NSK.

So, apa yang Datuk sebut itu saya rasa berlaku dekat banyak tempat termasuk di Seremban. Apa yang terjadi adalah kedai ini ia jual kepada pengguna secara runcit. Ia kutip tunai. Bila kita buat jualan pun, kita kutip tunai, tidak gunakan kredit kad dan sebagainya. Akan tetapi, ia pula gunakan kredit ke atas pemborong.

So, walaupun – ini *free market* lah. Mungkin tidak ada – kita tidak ada peraturan untuk mengehadkan tempoh kredit itu. Kalau *you* tanya saya memang tidak adillah. *You* kutip tunai tetapi *you* hendak simpan duit itu untuk tiga bulan. Pemborong pun perlukan *cash flow*, aliran tunai. *You* pegang, *you* pandai buat *rolling* tetapi orang lain pula kena.

So, ada tidak apa-apa cara? *May not be* daripada segi peraturan tetapi pendekatan untuk kita *minimise* benda ini. Oleh sebab, kalau macam ini maknanya minyak itu, bekalan minyak itu cukup. Cuma, masalah antara pemborong dengan peruncit dan akhirnya yang menjadi mangsa pengguna. Itu yang bagi saya – ada tidak cara untuk ini?

Selepas itu, saya rasa ECOSS itu sangat baik sekiranya ia dipanjangkan kepada pengguna sekiranya diputuskan.

#### ■1620

Saya hendak tanya adakah *software* untuk ECOSS sudah bersedia sekiranya ia dilaksanakan, sekiranya Kabinet ataupun Menteri membuat keputusan yang mana ECOSS itu hanya mungkin B40 atau M40 yang layak untuk beli minyak peket itu? Memang *software* itu sudah bersedia kah tidak?

Selepas itu, saya hendak tanya tadi Datuk ada sebut dekat Golok itu dia jual RM4.00 lebih wang kita. Maknanya ada penyeludupan. Saya gunakan perkataan penyeludupan ke sempadan. Jadi, adakah tidak statistik daripada KPDN yang menunjukkan berapa peratus yang memang kata orang ke sempadan? Kalau ke sempadan itu, bukan setakat di utara termasuk mungkin dekat Singapura. Adakah rakyat Singapura yang datang ke Johor dan dia beli?

Oleh sebab saya rasa setiap kali kita kata penyeludupan banyak dekat utara macam mana dengan selatan? Soalan terakhir, yang tadi kata *two-tiered pricing mechanism* itu. Saya rasa ia satu *approach* yang sangat baik. Saya kena sebut sebab dia hanya akan– harga rendah itu hanya kepada enam *percent* sahaja daripada keseluruhan. 94 *percent* yang kita eksport luar itu tidak terkesan pun, ikut harga biasa, harga CPO pasaran dunia.

Jadi, enam *percent* itu– sebab bagi saya, kalau kita boleh kurangkan harga minyak botol yang mana 1.6 *percent*, ia akan meringankan beban permintaan terhadap minyak peket dan ia kurangkan subsidi daripada kerajaan.

Sebab saya masih ingat ketika Menteri Kewangan membentangkan Bajet tahun 2022 pada hujung tahun 2021, di bawah kementerian KPDNHEP ketika itu subsidi minyak adalah RM400 juta. Tiga bulan lepas, kita kena luluskan Bajet Tambahan lebih RM2 bilion. So, kerajaan kena tanggung benda yang terlalu besar tetapi tidak tanggung pun tidak boleh. Ini benda asas. Jadi, kalau kita boleh kurangkan perkara itu, saya rasa *it is a win-win*. Rakyat dapat minyak, orang pun tidak bising sudah. Pada masa yang sama, beban tanggungjawab peruntukan kerajaan dapat dikurangkan.

So, bagi saya ada *approach* tertentu yang mana kalau boleh kita kurangkan keperluan semasa. Saya masih ingat tahun lepas walaupun ketika itu saya pembangkang, saya pernah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu Dato' Seri Ismail apabila subsidi untuk minyak botol pun pernah berbincang dengan Dato' Rosol ketika itu. Yes itu tarik balik. *Fair* lah selepas tahun itu kan sebab harga sudah kurang sikit.

Akan tetapi, subsidi untuk minyak masak peket itu berterusan. Maknanya, rakyat masih ada pilihan. Dia masih dapat yang murah. So, disebabkan *optional*. Jadi, bagi saya yang *two-tiered pricing mechanism* itu apakah pandangan– Menteri memang hendak *push* kah macam mana? Sebab kami hendak tahu juga. *I can tell you openly I agree with you*. I rasa ini benda untuk rakyat. So, ini saya rasa member-member lain pun setuju benda ini untuk rakyat untuk sama-sama – sebab kalau tidak, tidak berguna kita berteriak dekat luar kata ini minyak tidak cukup dan sebagainya tetapi kita biarkan masalah itu berlarutan. Jadi, setakat ini dari saya beberapa soalan

ini. So saya serahkan kepada Datuk hendak kumpulkan semua soalan sekali kah macam mana?

**Datuk Roziah binti Abudin:** Tuan Pengerusi pun sudah banyak ini.

**Tuan Pengerusi:** [Ketawa] Ataupun kumpul sekali. Saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormat ada banyak soalan ini.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Kumpul semua.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Mana yang mudah dahululah. Saya cuba. Berkaitan dengan kuota yang diluluskan yang melebihi daripada kuota bulanan, 60,000 metrik tan itu, sebenarnya apa yang dijawab oleh Menteri sebelum ini dan juga Menteri sekarang itu sebenarnya benar. Oleh sebab 60,000 metrik tan itu adalah kuota yang had kuota oleh kerajaan. Namun, kuota yang diberi ataupun kuota kepada setiap *repacker* dan juga kepada *refinery* yang juga menjadi *repacker*, memang tidak *produce to the max*.

Katalah Yang Berhormat dapat 200,000 metrik tan you tidak *produce* pun 200,000 metrik tan *because from the claim* itu kita dapati kurang. Jadi apa yang diluluskan pada akhir tahun lepas pada masa itu apabila bekalan terlalu meruncing dalam pasaran, maka kita keluarkan kuota yang lebih itu. Kita juga dalam proses mana-mana katalah selama ini kami monitor sudah setahun. *You produce* pun tidak sampai kepada tahap optimum. Tidak sampai 90 percent pun daripada apa kuota yang diluluskan oleh kerajaan, maka kita akan tarik, kita patut tarik.

Oleh sebab *you* dapat kuota 200 sebagai contohnya, *you* cuma *produce* 100 dan sebagainya. *You* kena tarik balik itu. So, perkara ini kita akan selaraskan semula Yang Berhormat supaya kuota itu boleh jadi kuota 60,000 metrik tan. Akan tetapi setakat ini walaupun kuota itu 62,000 metrik tan yang diberi itu tetapi *claim* kita kawal, masih lagi di bawah 60,000 metrik tan. So, itu apa yang berlaku pada akhir tahun 2022. Itu penjelasan.

So, memang kita hendak kenakan kepada mana-mana *repacker* supaya mereka *at least 95 percent* daripada kuota mereka, memang mereka kena *produce*. Kita hendak letak KPI itulah sebenarnya Yang Berhormat. 95 itu nanti maksudnya akan ada *shortage because you* tidak *produce as what the quota given to you*. Itu apa yang berlaku Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]:** Boleh, just follow up on top of these questions? Actually, saya pun sebenarnya saya hendak tanya pasal kuota ini. Pertamanya, kuota itu dia set kenapa selama ini hanya 60,000 metrik tan. Okeylah, I got the answer because even the producer also tidak boleh hendak *produce to optimize the productions*. Oleh sebab saya nampak kalau lihat kepada CPO, kalau

harga dia menurun sedikit – sebenarnya kalau kerajaan boleh, kita boleh minta mereka *produce* lebih untuk simpan kah atau macam mana hendak supaya kita boleh ada stok yang *buffer* pada harga yang di bawah kawalan sebab kalau tengok harganya memuncak pada tahun 2021 tetapi *lately* dia sudah turun.

*So, in fact – first things, who said the 60,000 – so, kalau kita ada ruang untuk kita adjust, kalau harga dia turun, kita boleh produce lebih supaya kita boleh ada buffer then tidak ada masalah bekalan di pasaran nanti. You know what I mean? So, I don't know – that why, how to set the kuota itu one thing.*

*Another thing is pada harga dia turun, the fluctuating kan so I mean the government of course know waktu bila kena optimize lagi lebih simpan stok supaya boleh kawal. Now sekarang saya dengar masalah pokoknya sebab producer tidak boleh hendak optimize. So, that I think the root cause kena minta producer, kena ada KPI dia sebabnya claim sistem itu kena kemas balik semula. Ini adalah kerana dia akan dipegang – kerajaan dipegang oleh producer di market itu.*

**Datuk Roziah binti Abudin:** Yang Berhormat nyatakan tadi itu kami boleh fikirkan juga sebab kita kena tengok *how low is low* lah sebenarnya. Kita hendak kata dia turun itu berapa dan sebagainya tetapi untuk jadi *stockpile*, *stockpile* itu merupakan kos sebenarnya. Satu kos *you* sudah kena bayar dahulu. Satu lagi kos *holding cost* itu. Kami kena menjawab dengan MOF jugalah siapa yang akan pegang *stockpile* itu. *Stockpile* bukanlah sesuatu yang murah untuk dilaksanakan. *Stockpile* itu memerlukan peruntukan yang lebih.

Kami boleh *explore* juga Yang Berhormat berkaitan perkara tersebut. So tadi yang 60,000 metrik tan itu, sebenarnya pengiraan kalau tidak silap saya – minta maaf kalau saya ini tetapi mungkin daripada tahun 2007 lagi semasa program ini dimulakan oleh Kementerian Perladangan Komoditi, mereka mengambil kira kegunaan ini hanya untuk *household* sahaja dan berdasarkan per kapita dan itulah nilaiann dapat. Akan tetapi sebenarnya, kalau ikut per kapita domestik itu ia tidak sampai 60,000 metrik tan. Pada masa itu dikatakan dalam lingkungan 45,000 metrik tan sahaja dan ia ada lagi lebihan di situ. Ada *buffer* di situ. *So that how the 60,000 metrik tan diguna pakai sekarang Yang Berhormat.*

Soalan kedua tadi berkaitan dengan yang tiga peket itu *is a kawalan dalam itu*, maksud saya kawalan oleh peruncit itu. Kita sudah keluarkan arahan pengawal bekalan dan sekiranya mereka menjual lebih daripada tiga, itu adalah satu kesalahan menurut penguat kuasa kami. Itu adalah satu kesalahan.

**■1630**

Berkaitan dengan minyak masak terpakai itu Yang Berhormat, ini sebenarnya minyak masak terpakai Akta Industri Biobahan Api dan juga polisi berkaitan dengan *biofuel* adalah di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi. Dia ada akta itu.

Jadi, kalau kita hendak cadangkan supaya kita kawal harga minyak masak terpakai dengan harga minyak masak peket itu, kita tengok tetapi sebenarnya Yang Berhormat, *we have explored* satu lagi cara. Contohnya, sekiranya kita atau pun kerajaan bersetuju untuk minyak masak peket ini kita naikkan harga tetapi kita *educate our consumer* selepas itu *you jual minyak yang you guna sebagai minyak masak terpakai dan boleh kontra balik*. Itu antara perkara lah sebab hendak turunkan harga minyak masak terpakai itu, buat masa ini saya tidak ada jawapan terhadap itu tetapi *we do explore that*.

Sekiranya kita kata harga RM2.50 itu memang sangat-sangat rendah. Kalau kerajaan naikkan, *let's say* itu kita boleh beritahu kepada pengguna yang layak membeli itu, lepas *you guna, you boleh jual sebenarnya*. *You can gain income from that*. Mungkin itu rakyat kita boleh terima sekiranya harga itu dinaikkan. *We have explored* itu juga Yang Berhormat tetapi belum lagi kita katakan kita muktamadkan. Cadangan itu masih lagi di peringkat idea atau pun cadangan yang kami akan *further explore*.

70,000 tan metrik macam yang saya katakan pada Yang Berhormat ini, ini adalah sebenarnya cadangan kementerian. Ini yang kami akan angkat untuk kelulusan atau pun keputusan Kabinet. Memang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan angkat untuk tujuan 70,000 tan metrik. Sebenarnya 70,000 tan metrik itu sebenarnya bersekali dengan cadangan supaya kerajaan mempertimbangkan *the two-tier pricing mechanism*.

*The two-tier pricing mechanism* ini sebenarnya betul. Semua orang kata itu bagus tetapi yang sebenarnya yang tidak hendak adalah industri ladang-ladang kelapa sawit lah. Itu sahaja pihak yang tidak bersetuju. Satu. Kami dimaklumkan melalui *engagement* oleh KPPK. Mereka kata mereka telah dikenakan pelbagai cukai walaupun mereka untung, cukai banyak.

*Before tax*, mereka kena mencarum kepada Tabung HRDF dan sebagainya. Jadi, sekiranya ada *this two-tier pricing mechanism*, Kementerian Perladangan dan Komoditi sedang memikirkan apakah bentuk bantuan kepada industri inilah. Antaranya, mungkin mereka minta untuk dikecualikan daripada mencarum kepada HRDF itu dan sebagainya. Itu yang kita sedang lihat lah Yang Berhormat.

So, kedua-duanya dengan menaikkan kuota peket dan juga *two-tier pricing* ini akan diangkat Kertas Jemaah Menteri untuk keputusan Kabinet. Berkaitan dengan

sama ada peruncit – sebab mereka menerima bayaran tunai, mereka sepatutnya tidak kenakan kredit itu, *seriously I do not have an answer* untuk pertanyaan Yang Berhormat itu. Maksudnya, secara etikanya, sepatutnya itu yang berlaku tetapi setakat ini saya tidak boleh fikir Yang Berhormat macam mana kita hendak mensyaratkan. *You dapat cash, you kena bayar cash* itu dan sebagainya.

**Tuan Tan Kar Hing:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kita tidak boleh kongkong dia lah, bukan?

**Datuk Roziah binti Abudin:** Ya. Itu yang saya katakan tadi sebab itu kami cuba lebihkan sedikit pengiraan terhadap bekalan kuota yang kita jaga. Untuk sistem ECOSS itu, yes. Sistem ECOSS itu kami tambah *feel* sahaja untuk *extend* kepada peringkat pengguna itu.

Cumanya, sekarang ini untuk peringkat pengguna itu, mekanisme itu kita kena fikir. Sama ada kata hanya *the intended* orang itu sahaja boleh beli. Maksudnya *you* pergi kedai, *you* kena tunjuk *identification*. Saya layak membeli atau pun satu lagi, harga minyak masak peket di kedai runcit itu *on the shelf* itu harga dia apung. So, apabila *you* beli, kalau *you* yang layak, boleh beli pada *discounted price*. Itu yang kami masih lagi memikirkan mekanisme itu.

So, statistik penyeludupan, saya rasa penguat kuasa kami tidak ada data itu. Betul. Kalau boleh kita anggarkan, Tuan Shahrudin kalau boleh bantu? Yang lepas ke luar negara? *Do we have the statistics?*

**Tuan Shahrudin bin Hamzah [Ketua Seksyen Bahagian Penguatkuasa]:**

Terima kasih. Dengan izin Tuan Pengurus. Kita dalam konteks *enforcement*, *because* kita bukan agensi yang berada di sempadan. Kita agensi yang berada di dalam negara lah. Cuma kita ada kerjasama alah dengan agensi-agensi di sempadan. Contoh Kastam, PDRM dan sebagainya.

Kadang-kadang itu berlakulah kes-kes serahan. Kes-kes serahan yang membabitkan rampasan, minyak masak ini. So, daripada situlah yang kita jadikan sebagai yang *so called* penyeludupan ini. Kalau ikut tadi ini ada ditunjuk lah statistik rampasan dan sebagainya. Jadi, itulah yang sebenarnya yang termasuk di dalam kategori yang dikatakan *so called* penyeludupan ini tadi di mana ia membabitkan kes-kes serahan.

Banyak berlaku adalah di macam contoh di Semenanjung ini banyak yang membabitkan komoditi minyak masak ini di sebelah Kelantan. Dia tengok dekat mana pintu masuk fasal modus operandi (MO) dia berbeza. Makanya peranannya berbeza. Contoh di Pulau Sebatik, Sabah. Dia lebih kepada komoditi LPG. Dia tengok sempadan yang berkenaan itu. Contoh di sebelah Utara ini, macam di Perlis, di Kedah ini lebih kepada diesel.

Dia tidak sama antara satu tempat ke satu tempat itu. Namun begitu, kita memang ada kerjasama lah untuk membasmi isu-isu ini macam yang saya sebut tadi. Kita ada kerjasama dengan agensi-agensi yang *border* ini. Kalau ada kes, dia akan serah kepada KPDN lah untuk tindakan lanjut. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Di Sabah ada kes-kes penyeludupan dan bukan penyeludupan sahaja tetapi *hoarding* dan ini menyebabkan *supply* makin kurang dan meningkatkan harga. Apakah tindakan untuk menangani kes-kes seperti ini? Terima kasih.

**Tuan Shahrudin bin Hamzah:** Sebenarnya di dalam Akta Kawalan Bekalan 1961, memang ada klausula yang berkenaan dengan *hoarding*. Kalau membabitkan barang-barang kawalan, dalam kes ini adalah minyak masak sebagai contoh. Kalau mana-mana pihak menyimpan dengan niat untuk mungkin lah dengan tujuan hendak menaikkan harga dan sebagainya. Memang kita boleh ambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Memang ada kes yang membabitkan *hoarding* ini. Memang ada tetapi tidak banyak lah sebagaimana yang telah ditunjuk tadi ini, berbanding dengan tidak menyelenggarakan buku stok. Yes. Apa yang Datuk Roziah maklumkan tadi, walaupun buku stok tetapi sebenarnya ia merupakan satu kesalahan serius di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 ini dan satu lagi yang perlu kita ingat bahawa ia boleh dikenakan di bawah Anti-Money Laundering Act (AMLA). Jadi, kita boleh *relate* dengan itu. Jadi, banyak tindakan yang telah kita buat di samping di bawah akta yang berkenaan itu, jadi kita guna juga akta di bawah Anti-Money Laundering Act walaupun ia membabitkan tidak menyelenggarakan buku stok. Apa yang Yang Berhormat tanya tadi memang ada kes yang *hoarding* ini dan memang kita boleh ambil tindakan lah di bawah akta yang spesifik atau pun Akta Kawalan Bekalan 1961.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Siapa lagi?

**Tuan Tan Kar Hing:** Boleh saya tanya satu soalan?

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Okey terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja Yang Berhormat. Pertama, terima kasih kepada Datuk Roziah dan rakan-rakan lah daripada KPDN.

Isu ini selagi ada subsidi, ini lah isu yang akan timbul. Seludup ke Selatan Thailand, seludup ke Sebatik dan sebagainya. Saya suka cadangkan supaya kerajaan *review* harga RM2.50 itu. Ini sejak tahun 2007. Sudah dekat 30 tahun. Jadi, kena *review* sedikit untuk naik sedikit supaya perbezaan antara minyak yang botol subsidi ini tidak terlalu jauh.

Sekarang ini minyak *used cooking oil* lebih mahal daripada minyak ini. Ini satu benda yang pelik tetapi benar. Keduanya, apa yang dinyatakan, saya tahu kerja

KPDN ini sudah terlalu kuat sudah untuk pastikan benda ini tidak bocor dan sebagainya. Akan tetapi, saya yakin dengan ECOSS ini yang kita bangunkan dahulu dan sudah di-*implement start* Januari lalu, ia akan sekurangnya dapat menyekat dan juga mengurangkan ketirisan yang berlaku. Isu debit atau pun *credit term* yang terlalu panjang juga memberi kesan terutamanya kepada kilang-kilang yang *cash flow* nya terlalu sedikit.

#### ■1640

Jadi menimbulkan masalah kepada mereka. Jadi ini benda kadang-kadang di luar kawalan kita. Ini daripada segi *business to business*. Kita cuma beri pandangan sahaja. Itulah yang berlaku. Selagi ada isu subsidi ini timbul, bukan sahaja minyak ini. Semua barang subsidi, apabila timbul subsidi, mesti ia akan menjadi masalah kepada kerajaan kita. Ini tidak termasuk lagi yang Bangla yang duduk di Malaysia beli, yang Indonesia duduk Malaysia beli. Itu tidak termasuk lagi itu.

Jadi daripada 60,000 itu, pada saya sudah cukup sebenarnya kalau dibuat secara betul-betul. Akan tetapi cuma daripada segi penguatkuasaan. Ini tugas kementerianlah. Itu tambahan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Tan Kar Hing:** Satu soalan sahaja. Kalau lihat kepada muka surat ini. Kita ada 32,720 orang pemegang lesen runcit minyak masak. Saya tidak pasti sama ada pemegang-pemegang lesen ini, mereka terletak secara *scattered kah strategic* supaya memastikan akses kepada pembelian minyak masak ini terdapat di semua tempat kah tidak. So, tidak akan muncul isu kata sini tidak ada, situ ada, macam itulah. *Just* perlukan pencerahan.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Yang Berhormat, saya respons dahulu yang Yang Berhormat Gopeng. Pemegang lesen untuk peruncit itu, kita tidak kawal *distribution* dia di mana taburan mereka. Maksudnya ada yang banyak dan sebagainya. Kita tidak sehingga itu. Akan tetapi kita percaya, walaupun kerajaan tidak tentukan di mana taburan itu, tetapi industri atau sektor peruncitan itu ia bergerak sendiri. Maknanya penempatan yang lebih banyak penduduk populasinya, kita akan dapati peruncit yang lebih ramailah dan sebagainya. *We let the sector to manage* ia punya ekosistem mereka sendiri. Itu maksudnya. Akan tetapi memang taburan itu kita tidak tentukan Yang Berhormat, di mana dan sebagainya pemegang lesen runcit itu. Akan tetapi kalau kita tengok contohnya di kawasan yang sangat sukar untuk kita capai, kita *reach*, macam di kawasan Sabah Sarawak yang sangat jauh, Mulu dan sebagainya. Kalau kita kata kedai runcit itu untuk minyak masak peket kita ini, harga RM2.50 ini di seluruh negara. Tidak kiralah *you* duduk pedalaman mana pun. Harga itu RM2.50.

Kalau ikut logiknya, tidak akan harga itu boleh jumpa di kawasan pedalaman di Sarawak itu dengan harga sebegini. *On top of* harga produk itu yang kita subsidiikan, kita subsidiikan *transportation*-nya. Maksudnya apabila ia sudah sampai di kawasan pedalaman itu, harganya masih RM2.50. Itu apa yang berlaku. Itu program yang selalu kalau Yang Berhormat semua boleh dengar, Program *Community Drumming*, Penyeragaman Harga, itu yang berlaku. Maksudnya di kawasan pedalaman dua kali subsidi. Produk itu telah disubsidiikan, pengangkutan (*transportation*) itu juga telah disubsidiikan oleh kerajaan.

Untuk Yang Berhormat Dato' Rosol tadi, *to revise* harga minyak masak peket itu. Yes, kita lihat juga. Memang betul, harga itu terlalu rendah dan terlalu lama. Kami sebenarnya sedang memikirkan apabila kita kata, kita akan *legalize* pembelian oleh peniaga-peniaga runcit ataupun *commercial* ini, sama ada untuk kelompok itu. Mungkin dahulu kita beri kepada harga yang berlainan kepada mereka.

Ini sebab mereka guna untuk tujuan jual kan untuk perniagaan mereka. Sama ada mungkin boleh dinaikkan harga kepada kumpulan ini ataupun tidak. Cumanya cabaran sedikit. Ada satu harga domestik, satu harga untuk peniaga itu. Untuk penguatkuasaan itu dibuat, mungkin satu *challenge* kepada kita. Kita fikirkan jugalah Yang Berhormat sebenarnya, untuk harga RM2.50 yang terlalu rendah ini sama ada kita boleh *introduce* harga yang lain untuk yang peniaga-peniaga.

Kedua macam saya katakan tadi, kalau rakyat kita boleh tahu ada potensi mereka mendapatkan pendapatan sekiranya harga minyak itu walaupun naik, mereka boleh jual semula dengan harga yang lebih tinggi. *But it needs a lot of awareness programme* kepada rakyat kitalah Yang Berhormat untuk tingkatkan.

*Cash flow* tadi Yang Berhormat Dato' Rosol maklumkan *business to business* itu macam kita katakan. Agak sukar untuk kita kawal. Akan tetapi di peringkat kerajaan *also*, kami juga menghadapi masalah untuk kami membuat pembayaran itu. Selalu *repacker complain about* lambat. Untuk tahun ini, kita sudah terima RM500 juta peruntukan awal daripada Kementerian Kewangan. Kita sebenarnya sudah salurkan *almost 99 percent* untuk tujuan tersebut. Akan tetapi kita masih ada lagi hutang dalam RM95 juta, *claim* yang kita belum bayar, yang kami masih menunggu duit diturunkan oleh Kementerian Kewangan. *Balance* yang ada pada kami dalam RM100,000 lebih sahaja. So *claim* itu banyak. Itulah salah satu sebab kenapa sebenarnya untuk menjadi *repacker* ini, kita perlukan syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Ini sebab *government* berhutang kepada mereka lama Yang Berhormat. Kami memang mengaku kami....

**Dato' Rosol bin Wahid:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*  
Tidak apalah.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Ramai yang call pegawai kami. Tanya hutang dan sebagainya, setiap hari sebenarnya. Kita sudah guna hampir keseluruhan peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan. Dia sudah jadi macam standard hutang kerajaanlah kepada... [Ketawa]

**Tuan Tan Kar Hing:** Mungkin itu pun boleh kita nampak sebab mereka tidak optimise-kan pengeluaran itu.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Kemungkinan juga Yang Berhormat. Cash...

**Tuan Tan Kar Hing:** So, one of the reasons why – because ia melibatkan dollar and cent itu [Ketawa] Dia akan disrupt kepada market juga. Produk kurang, sebab itu.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, yang repackeritu, dia beli tunai. Akan tetapi masalah subsidi itu, berbulan-bulan [Disampuk] Itu yang memang...

**Datuk Roziah binti Abudin:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Repacker ini Yang Berhormat, dari kilang penapis itu, dia beli minyak itu, share.

**Tuan Pengerusi:** Itu isu dia. Saya rasa macam ini. Saya sebenarnya tunggu soalan ini soalan terakhir untuk tanya. Sengaja saya simpan soalan ini. Ini sebab saya rasa benda ini sudah berlaku daripada sebelum ini. Masih berterusan sehingga sekarang.

Saya hendak tanya Datuk. Saya tidak tahu Datuk hendak *on record* kah atau *off record* benda inilah. Kalau Datuk hendak *off record* pun okey, no issue. Ini sebab saya rasa, ini antara punca kalau keadaan ini berterusan. Apa yang akan terjadi ialah repacker yang tidak mempunyai kekuatan kewangan yang kukuh, dia lingkup. Kita sebenarnya *in certain extend*, kita menyokong *indirectly* secara tidak langsung repacker yang kaya-kaya. Tauke-tauke besar. Ini sebab *you okey ma*. You banyak cash kan? You okey lagi. You mampu tahan lima bulan, enam bulan, yang itu yang perlukan *cash flow*, memang *you sangkut*.

So benda ini, saya hendak cakap terus terang. Daripada Yang Berhormat Dato' Rosol jadi Timbalan Menteri dahulu, sampai hari ini. Ini sebab *initially*, saya fikir apa *tau*. Apabila isu minyak ini, saya fikir KPDN ini, alamak memang teruk. Saya fikir macam itu *tau* dan Dato Sri Alexander, *I have to thank him*. Beliau yang maklumkan kepada saya. "YB, YB jangan salah faham. Kami dapat duit dari MOF. Kalau MOF tidak bagi, mana I punya duit". Memang kita bayar. Akan tetapi sumber itu dari siapa.

Ia macam kes ayam dahulu. Subsidi ayam, sekretariat dia dahulu MAFI. Akan tetapi apabila kekurangan bekalan, yang kena tembak KPDN. You yang *frontline*. You kena tembak dahulu. So same thing to this one. So saya hendak tanya Datuk. Kalau betul sehingga hari ini, dengan Kerajaan MADANI. It still happens. Saya rasa

kita kena betulkan. Walaupun Menteri Kewangan itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi isu ini tidak kira siapa Menteri. Tidak boleh macam ini. *I will be very – kena secara terbukalah.* Saya buat *on record* benda ini. Ini bukan hendak *against* siapa.

**Dato' Rosol bin Wahid:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*  
Untuk rakyat.

**Tuan Pengerusi:** Untuk rakyat. Ini tidak kira. *That's why* saya kata. Walaupun Menteri Kewangan itu Yang Amat Berhormat PMX, *but I think we have to raise it out.* Dia bukan soal tidak apa, ini – *backbenchers, you* jangan cakap apa. Kita tunggu pembangkang cakap. *No.* Ini untuk rakyat. Ini sebab benda ini tidak guna kita duduk. Ini bagi pembentangan, kita bagi idea sebagainya. Semua *happy*. Akan tetapi daripada segi keluar subsidi itu, berbulan-bulan. Memang – *that's why* *I* kata tadi, *last year* *I* pernah buat jualan yang gunakan peruntukan bagi subsidi. Macam mana ada pemberong tidak mahu jual kepada NSK. NSK cakap dengan saya, “*YB, can you talk to the...*”. *Eh* *I* kata apa. *You tauke besarkan.* *You pasar raya besar.* *Takkanlah* itu pemberong tidak mahu jual dekat *you*. *Oh* sebab *manager* dia kat Seremban, dia kata apa *tau*. Sebab dasar syarikat kami memang bagi kredit lama. Memanglah orang tidak mahu layan *you*. Dia kata saya tidak boleh buat apa. *Big boss* dekat Selayang, HQ dekat Selayang.

## ■1650

Kami dekat Seremban ini ikut arahan bos. So, sehingga saya terpaksa – dia bagi *contact number*. Saya *call* yang pemberong itu, saya kata untuk jualan sekian-sekian hari saya perlukan dua tan, 2,000 pek. *On the spot*, sebab waktu itu saya jual RM2. Saya jual RM2, dia kutip daripada pembeli itu RM2, *immediately* *I* bagi 50 sen. *On the spot on that day.* Akan tetapi sebab yang jadi peniaga hari itu NSK sebab saya tidak ada lesen untuk jual. NSK ada lesen. So, *that's why* *I* kena panggil. *I* kena cakap *I commit* dengan pemberong itu */ kata*. Hari itu *you* akan kutip tunai. Setiap pek RM2 daripada pengguna dan 50 sen *on the spot* */ bagi* *you* cek dari pusat khidmat. *Then, “Yang Berhormat betul kah?”.* *I* kata, “*Ya lah, I sign agreement pun boleh lah.*”.

*So, then* benda itu jalan berterusan untuk *few months*. Jadi, saya nampak bila benda ini. Untuk *repacker* dia sebenarnya tersepit dekat tengah-tengah. *I'm sorry to say that. I feel very sorry.* Satu sebab pasar raya ini hutang dia berbulan-bulan. Kedua, kerajaan pun hutang dia.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Berbulan-bulan.

**Tuan Pengerusi:** Berbulan-bulan juga.

**Tuan Tan Kar Hing:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Just imagine kalau kitalah. [Ketawa]. Macam mana nak berniaga, macam mana nak hidup.

**Tuan Tan Kar Hing:** Chairman. Chairman. Boleh, Chairman?

**Tuan Pengerusi:** Ya, okey.

**Tuan Tan Kar Hing:** Saya menyokong sepenuhnya atas pandangan dan teguran yang dikemukakan oleh Tuan Pengerusi Jawatankuasa. Saya nak mendapatkan pandangan daripada pandangan pihak sekretariat bahawanya kalau katakan lepas kita buat *finding*— sebab saya jangka ada beberapa isu yang sama juga akan berbangkit. Sama ada Kementerian Pertanian, kementerian-kementerian yang lain memerlukan saluran subsidi daripada MOF yang ada isu yang seumpama itu jugalah. Mohon pandangan Sekretariat adakah kita boleh selaku Jawatankuasa untuk memanggil juga MOF yang berurusan dalam bahagian ini untuk datang ke dalam mesyuarat untuk memberi satu taklimat ringkas tentang perkara ini, yang ringkaslah. Saya hanya nak lontarkan soalan ini dan tanya pandangan sekretariat.

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak ada masalah. Saya nak tanya pandangan. Sekarang ini agak-agak dia hutang berapa bulan? *I think* Datuk kena maklum pada kami *for us*.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Kita ada slaid info itu tidak yang – dalam yang Januari itu *almost* tadi Dato' Rosol kata Disember tetapi Januari kami sudah *settle almost 96 per cent*. So, maksudnya kebanyakannya dari bulan Februari, Mac, April yang masih lagi banyak hutang. Oleh sebab kita sudah belanjakan dalam RM499.8 juta tetapi jumlah tuntutan yang ada adalah RM595.2 juta. So, kami masih berhutang dalam RM95 juta tetapi *cash* peruntukan yang ada pada kami RM175,000 sajalah.

So, banyak yang kita proses dan yang sudah selesai proses itu masih belum boleh dibuat pembayaran. Akan tetapi kalau nak dinyatakan tadi sekiranya kita nak minta kepada MOF untuk tengok mungkin boleh membantu juga, Tuan Pengerusi sebab di KPDN we are not *privy to how* MOF, menguruskan kewangan kerajaan itu. So, tidak adil untuk saya komen itu.

Saya pun tidak tahu contohnya macam petroleum itu. KPDN mengawasi daripada segi *license* dan sebagainya tetapi pembayaran subsidi dibuat oleh MOF. So, kita pun tidak tahu macam mana MOF buat pembayaran dan sebagainya. Akan tetapi mungkin subsidi itu MOF *is dealing with all the big oil coast*.

Ini macam Tuan Pengerusi cakap tadi, kilang besar ataupun *repacker versus repacker* kecil. Sebenarnya soalan itu kami sudah ada *two school of thoughts*. Kalau pandangan saya, *this is solely my personal opinion. This industry* sebenarnya bukan industri pada saya boleh kita nak katakan kita nak wujudkan usahawan, kita nak

wujudkan peniaga, no. *This is not the industries.* Sepatutnya *repacker* itu memang kita kena ambil *repacker* yang *company* besar sebab *our aim* objektif itu adalah untuk rakyat.

So, mungkin ramai yang tidak bersetuju lah tetapi pada saya kalau nak wujudkan keusahawanan, peniaga dan sebagainya memberi peluang bukan dalam industri inilah sebab objektif kita itu lain. Jadi, kalau kita hutang atau apa tetapi sebenarnya ada 10 kah kilang penapis kita? 10 yang juga jadi *repacker*?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Roziah binti Abudin:** Ada 10 buah kilang penapis dan juga mereka adalah *repacker* macam Sime Darby dan sebagainya. Yang itu yang memang tidak bisinglah. Tidak akan kejar kita pun. Kita hutang, itu memang tidak kejarlah.

**Seorang Ahli:** *Company* besar.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Ya. Jadi maksudnya begitulah macam Tuan Pengurus tadi cakap, lebih mudah sekiranya memang yang kita berikan kuota besar tetapi yang itu yang nak kena difahamkan. *This is the industry* yang bukan kita nak wujudkan peniagaan itu. Itu pandangan peribadi saya. Akan tetapi ia ada banyak pandangan lainlah.

**Tuan Pengerusi:** Saya nak tanya berkaitan dengan pemberian subsidi kepada *repacker* itu. Apabila dia *submit* ikut sistem ECOSS ini. Katakan hari ini dia *complete* semua dokumen yang mengesahkan dia sudah keluarkan sekian banyak minyak, berapa lama sepatutnya dia dapat? Maknanya proses apa pemantauan, penyemakan untuk pastikan *everything in order* di pihak KPDN.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Katalah sekarang ini bulan Jun, okey? Akhir bulan Jun mereka akan kemukakan keseluruhan tuntutan (*claim*) mereka untuk bulan tersebut dan *claim* itu perlu dihantar selewat-lewatnya seminggu dalam tujuh hari dalam bulan berikutnya. Maksudnya untuk bulan Jun ini sehingga 7 Julai mereka sudah kena hantar kepada kita. So, kita ada tempoh seminggu. *Then*, dua minggu untuk kami buat semakan dan dua minggu untuk pembayaran dibuat. Jadi lebih kurang dalam satu bulan satu minggu sepatutnya begitu. *Our timeline* untuk pembayaran dalam empat minggu selepas mereka kemukakan tuntutan.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].* Cuma sekarang ini masalahnya duit tidak adalah. Bila duit tidak ada itu yang hutang berbulan-bulan.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Sorry saya terlupa. Sekarang ini *the two-tier mechanism* itu yang kami minta supaya kita punya industri kelapa sawit kita itu so called subsidikan rakyat Malaysia sebab untuk minyak masak botol, 1.6 per cent sahaja. Akan tetapi kalau we can *influence* kerajaan supaya enam peratus ya? Kalau

masuk minyak masak peket *six percent*, keseluruhan enam peratus untuk keperluan minyak masak negara termasuk peket dan juga itu *so called* disubsidikan oleh itu maksudnya boleh mengurangkan bebanan kewangan kepada kerajaan sebab kosnya banyak.

Akan tetapi kami cuba yang minyak masak botol ini dululah tetapi kalau nak bersilat lagi Tuan Pengerusi untuk dapat *six per cent* dijual pada harga yang berlainan untuk rakyat kita mungkin. Akan tetapi pandangan saya sepatutnya boleh *six per cent versus 94 per cent*. Itulah salah satu caranya.

**Tuan Pengerusi:** Itulah saya katakan tadi, *94 per cent* dia jual dia eksport *six per cent* saja. Sedikit saja. Kalau kita kata *20 per cent*, *30 per cent*, ia akan menjelaskan keuntungannya. Ya lah, ia jejas pun *percentage* dia. Setakat *six over 100*. Jadi, untung kurang sedikitlah, itu saja.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Okey. *[Ketawa]*

**Datuk Roziah binti Abudin:** Lagi satu saya terlupa. Tuan Pengerusi, minta kerjasama kalau minyak masak peket itu kalau Tuan Pengerusi jual jangan diturunkan lagi harga, Tuan Pengerusi. RM2.50 itu Tuan Pengerusi jual lagi RM2. *Seriously*, ia betul. RM2.50 itu sudah sangat murah orang cari. Kita tahu dalam jualan-jualan kerajaan ada lagi nak subsidikan RM2 dan sebagainya. Pada kami itu lagi memberikan tekanan sebenarnya. *It is already cheap. Maybe you can subsidise the bottle. Cooking oil.* *[Ketawa]*. Itu yang kita punya dapatan.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okey, *I on record* dulu. *[Ketawa]*. I buat 10 kali jualan, tahun lepas. 10 kali itu benda yang paling laris minyak peket. Setiap kali 2,000 pek. Maknanya dua tan. Dalam masa tidak sampai dua jam, *clear*. Saya jual 10 barang saja. Gula, tepung, bawang, beras yang RM13 semua. 13 saya jual RM10. Telur gred A, RM10 satu papan.

## ■1700

Ini memang – okey. Tahun ini setakat - tetapi masalah, Datuk. Datuk kata jangan teruskan, kerajaan Negeri Sembilan masih teruskan melalui ADUN semua. Selangor buat.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Akan tetapi, sebenarnya, pada sayalah bukan orang pergi beli itu sebab ia memang yes murah tetapi sebab keberadaan dia sukar. So, bila *you* sudah buat itu dia memang akan datang walaupun kita jual pada harga RM2.50.

**Tuan Pengerusi:** Yes. Okey.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Itu pandangan kamilah. Supaya mengelakkan tekanan sebab kalau kita buat program kerajaan itu daripada mana dapat untung? *It is actually disruptive market retail.*

**Tuan Pengerusi:** Yang pasaranlah, yang bekalan untuk pasaran. Memang betul. *I agreed with you on that.* Akan tetapi, tahun ini / sudah okeylah. / sudah bertaubat tidak buat lagi sudah. *[Ketawa].* Cuma satu, tadi Dato' Rosol ada kata naik harga itu. Semalam kah? Kelmarin? Yang Berhormat Menteri ada jawab satu soalan. Bilakah dia jawab soalan, ya? Daripada Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Haji Yunus bin Tasim:** Gula. Itu yang dia jawab gula.

**Tuan Pengerusi:** Bukan, bukan. Fasal minyak itu. Fasal minyak dia ada jawab satu soalan daripada Yang Berhormat Shah Alam.

**En. Norzam Adhar Mohd Nor:** Minyak terpakai itu?

**Tuan Pengerusi:** Tidak. Minyak terpakai selepas itu dalam soalan tambahan ada ditanya apakah kerajaan akan naikkan harga yang RM2.50 itu. Yang Berhormat Menteri kata...

**Tuan Haji Yunus bin Tasim:** Gula?

**Tuan Pengerusi:** Tidak, tidak. Minyak.. Ada. Soalan tambahan. / rasa soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri bagi komitmen dia kata tidak naikkan RM2.50, kan? Akan tetapi, saya rasa elok sementara ini jangan apa lah. Jangan naik dulu. *[Ketawa].* Kita *find a way* lah macam mana untuk itu walaupun saya tahu saya mengakui bebanan kerajaan untuk benda ini.

*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tidak. *That is why* selepas / rasa tiga kali kah empat kali / buat jualan, yang seterusnya / tidak mahu jual minyak botol lagi. / semua jual ini sahaja. *[Ketawa].* Okey. Untuk rakan-rakan Yang Berhormat yang lain ada soalan lagi?

**Tuan Tan Kar Hing:** Tadi ada satu lagi belum ada respons daripada sekretariat untuk memanggil MOF untuk memberikan sedikit penjelasan kah penerangan. Saya rasa boleh sahaja sebab bakal saya rasa nanti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia turut akan ada.

**Dato' Rosol bin Wahid:** *[Tidak jelas]* *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

**Tuan Tan Kar Hing:** Ya. Dia pun ada alasan juga. Kita pun kena dengar pandangan daripada pihak MOF juga. Kena adil kepada semua. Pandangan saya.

**Tuan Pengerusi:** Untuk permintaan Yang Berhormat Gopeng ini saya rasa saya tiada masalah. Kita boleh teruskan. Tengoklah. Okey? Bila kita boleh hendak panggil MOF. Oleh sebab kita hendak tahu juga sebab apa? Apakah kekangan ia? Kita dekat luar kita bising kata ia lambat, elok kita tanya ia dahulu. Apakah sebabnya

lambat? Oleh sebab nampak gaya memang ia lambat pun berbulan-bulan. Ia mesti ada kekangan tertentu dan sebagainya. Itu tiada masalah.

Okey, ini *final round*. Ada tidak apa-apa soalan lagi? Yang Berhormat Selangau? Yang Berhormat Keningau? Ini Timbalan Ketua Menteri Sabah. Sabah okey kah? [Ketawa]. Okey. Dato' Rosol?

**Dato' Rosol bin Wahid:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gopeng? Okey. Jadi saya sekali lagi ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Roziah dengan rakan-rakan. Pimpinan daripada pihak KPDNHEP. Bagi saya taklimat ini cukup penting sebab sama-sama untuk kita tukar-tukar pandangan dan sebagainya.

Saya kalau saya buat rumusanlah. Kalau betul ada permintaan untuk naikkan kuota kepada 70,000 metrik tan, saya sokong. Saya sebut saya sokong. Yang *two-tier pricing mechanism* sebab ia hanya melibatkan *six percent*. Paling banyak pun *six percent*. Kalau untuk botol *1.6 percent*. Ia tidak menjejaskan keuntungan sebab syarikat perladangan ini semua besar-besar. So, itu yang saya rasa dua benda yang saya rasa tidak ada sesiapa yang tidak setuju.

**Tuan Tan Kar Hing:** Cuma sangat sedihlah. [*Tidak jelas*] [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]. Termasuk dalam akta lagi. Jumlah dengan subsidi yang lebih banyak.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kalau...

**Tuan Tan Kar Hing:** Ia tidak logiklah.

**Tuan Pengerusi:** Kalau *two-tier pricing* itu boleh dilaksanakan, masalah ini dapat dikurangkan. *That is why* I rasa penting *to come out with something new* yang kita kena ada inisiatif untuk *push* benda itu. Saya rasa itu sesuatu yang baik dan saya harap ia boleh dilaksanakan kalau boleh dalam tahun ini. Untuk mudahkan kerja semua orang. Kalau tidak semua orang tekan KPDNHEP. Bila tiada itu KPDNHEP, KPDNHEP. So, bagi saya ucapan terima kasihlah untuk hari ini memang cukup memberikan *info* kepada kami untuk mengetahui apa sahaja masalah yang berlaku yang dalam subsidi minyak. Bukan setakat minyak peket sahaja tetapi minyak botol. Akan tetapi, minyak botol yang sebatian itu memang mahallah. Siapa hendak helang kah pisau kah itu memang *open market* lah kan? You hendak itu you kena bayar lebih. *I think that one no issue on that. That is why* saya punya fokus saya lebih kepada minyak masak tulen. Sawit tulen. Khususnya yang peket sebab bagi saya senang sahaja. Macam Yang Berhormat Menteri dia ada sebut RON95 dengan RON97. Okeylah. Kalau you rasa you hendak power, hendak hebat sedikit, kan? Okey RON97, *go ahead*. Akan tetapi, janji RON95 itu ada di pasaran untuk rakyat kita buat pilihan. Sama juga.

Untuk makluman, saya satu ketika saya pernah makan minyak masak jagung tetapi sekarang ini tidak mampu sudah. [Ketawa]. Tidak, betul. Suatu ketika saya tidak gunakan minyak sawit dahulu tetapi sekarang *end up* pun minyak sawit. So, bagi saya janji kita ada benda yang tidak membebankan dan dijadikan rakyat boleh buat pilihan. Yang penting kita ada benda yang harga ia lebih rendah lebih murah untuk rakyat buat pilihan, yang mahal itu macam yang gula punya. Sama juga gula. Kalau dia rasa dia hendak standard tinggi sedikit dan sebagainya, *move on*. Saya rasa itu pilihan tetapi jangan yang RM2.85 itu kita kata kita kurangkan daripada 42,000 itu kita kurangkan jadikan ia 30,000. Itu tidak boleh. Kita kekal tetapi siapa yang mampu dia rasa dia hendak so *called high standard* dan sebagainya terpulanglah pilihan masing-masing. Itu cara yang kita benarkan untuk urusan perniagaan. Okey.

Jadi, untuk taklimat ini saya rasa sampai sini. Cuma saya pun ambil kesempatan pada petang ini juga sebab saya ada cadangan kita buat lawatan ke kilang CSR dekat Shah Alam pada hari Selasa. Okey, saya rasa perlukan bantuan daripada KPDNHEP untuk sama-sama kan. Kami tidak boleh pergi macam itu, bukan? Saya difahamkan sebab itu saya hubungi Datuk.

Satu lagi saya hendak tanya ini. Semalam saya bincang dengan kawan-kawan fasal kilang gula itu, kan. Kilang minyak itu ada sesiapa hendak pergi tidak? Ada tidak kilang yang *repacker* itu.

**Datuk Roziah binti Abudin:** Minyak? Banyak, Tuan Pengerusi. Selangor, Kuala Lumpur.

**Tuan Haji Yunus bin Tasim:** Selangor pun ada.

**Tuan Pengerusi:** Boleh tidak saya cadangkan macam ini? Sekali kita bergerak area dekat Shah Alam pada hari Selasa hadapan.

**Tuan Tan Kar Hing:** Kalau boleh terus pergi *refinery mills* dengan...

**Tuan Pengerusi:** Yes. Saya tidak mahu kata orang satu dekat Shah Alam, *next* itu mungkin dia pergi jauh. *Let's do it together*. Mungkin selang satu jam kah dua jam kah. Kita pergi dua tempat.

*[Ahli-ahli berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, boleh tidak? Oleh sebab kalau boleh kita— urus setia kita *start* pukul berapa, ya?

**Datuk Roziah binti Abudin:** Kena awallah, Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Stanley Tan:** Untuk gula. Untuk gula pukul 9.30 pagi. CSR setuju.

**Tuan Pengerusi:** CSR setuju 9.30 pagi? Okey. Agak-agak berapa lama di situ, Datuk?

**Dato' Dr. Stanley Tan:** Mungkin dalam sejam dua jam.

**Tuan Pengerusi:** Sejam ke dua jam.

**Dato' Dr. Stanley Tan:** Ada bagi taklimat semua.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Selepas itu kita boleh bergerak tengok kilang minyak mana?

**Tuan Haji Yunus bin Tasim:** Kami aturlah. Berhampiran dengan...

**Tuan Pengerusi:** Ya. Saya minta aturkan. Yes. So, bersekaliilah. Kita hendak bergerak itu biar bersekali. Kalau tidak nanti sahabat saya dari Yang Berhormat Selangau, dia datang dari jauh biar dia tengok dua benda. *[Ketawa]*. Cuma, Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri *you* tidak ada bukan minggu hadapan? Dia jalan jauh dia pergi Australia.

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan:** Minta maaflah.

**Tuan Pengerusi:** Okey. So, saya minta ini tolong aturkan hari Selasa, okey? Oleh sebab bagi itu sebagai hari ini selepas kami dapat taklimat, *at least* kita pergi sana kita lebih memahami proses ia. Okey?

Jadi, saya rasa itu sahaja. Saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua yang telah membantu dan juga urusetia yang telah mengaturkan walaupun kita sampai petang. Akan tetapi, hari ini kita buktikan sesuatu. Itu yang saya pernah sebutkan hari itu ketika perjumpaan yang pertama dua tiga minggu dulu saya kata kita hendak jadi rakan strategik. Oleh sebab itu bila ada permintaan daripada KPDNHEP yang sepatutnya taklimat ini pada hari Selasa sebab kebetulan ada sesi penerangan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kita kena ada *give and take* untuk sama-sama kita menjayakan agenda kita untuk rakyat itu secara bersama. Jadi, itu sahaja daripada saya pada petang ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua rakan.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.11 petang]**